

## BAB ENAM

### MASALAH DEVIAN

#### 6.0 Pengenalan

Objektif utama bab ini adalah untuk mengkaji masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat India dan cara MIC mengatasinya.

Sebelum analisis aspek-aspek masalah devian, haruslah dilihat definisi devian. Mengikut Freud, masalah devian . Mengikut Freud, masalah devian dikatan:

*Socially defined to include the processes that originate as authorised, measured force, but that go beyond the prescribed conditions and limits.<sup>1</sup>*

Manakala Merton dan Nisbet pula berpendapat:

*...breakdown or deviation in social behaviour involving a considerable number of people which are of serious concern to many members of society in which the aberrations occur.<sup>2</sup>*

Tetapi, Walter pula berpendapat:

*...destructive harm ... including not only physical assaults that damage the body, but also ... the many techniques of inflicting harm by mental or emotional means.<sup>3</sup>*

---

<sup>1</sup> Freud, S., *Beyond The Pleasure Principle*, Hogarth Press and Institute of Psycho-Analysis, New York, 1948, hlm 2.

<sup>2</sup> Merton, Robert and Nisbet, Robert, *Contemporary Social Problems*, Harcourt, New York, 1971. hlm. 11.

<sup>3</sup> Walter, E., *Terror and Resistance : A Study of Political Violence*, OUP, 1969, hlm 8.

Walaupun demikian, Curtis pula berpendapat bahawa masalah devian ini adalah berpunca daripada keluarga. Beliau berpendapat:

*... the battered-child syndrome, expressed a concern that the battered child might become tomorrow's murderers and perpetrators of the crimes of violence.<sup>4</sup>*

Jadi, setiap pengkaji mempunyai pandangan yang berbeza mengenai masalah devian. Namun begitu semua pandangan mereka boleh diterima.

Berdasarkan definisi di atas tadi, secara khusus objektif-objektif berikut akan dibincangkan dalam bab ini.

1. Masalah Gangsterisme

- (a) Huraian penglibatan masyarakat India.
- (b) Statistik penglibatan.
- (c) Analisis penglibatan masyarakat India dalam aktiviti jenayah.

2. Masalah Dadah

- (a) Huraian penglibatan masyarakat India.
- (b) Statistik penglibatan.
- (c) Analisis penglibatan masyarakat India dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.

---

<sup>4</sup> Steinmetz, Suzanne, K., *The Cycle of Violence : Assertive, Aggressive and Abusive Family Interaction*, Praeger Publishers, New York, 1977, hlm 102. Dipetik daripad Curtis, G.C., "Violence Breeds Violence-Perhaps?", American Journal of Psychiatry 120, 1963, hlm 386-387.

3. Masalah Pelacuran
- (a) Huraian penglibatan masyarakat India.
  - (b) Statistik penglibatan.
  - (c) Analisis penglibatan masyarakat India dalam aktiviti pelacuran.
4. Alkoholisme
- (a) Akan dibincangkan mengenai penglibatan masyarakat India.
  - (b) Statistik penglibatan.
5. Masalah sosial secara umum, khususnya yang melibatkan remaja India.
- (a) Akan dibincangkan mengenai penglibatan remaja India khususnya di sekolah-sekolah.
  - (b) Statistik penglibatan.
  - (c) Analisis penglibatan remaja India dalam aktiviti salah laku
    - (i) Peringkat umur mereka yang terlibat.
6. Peranan MIC
- (a) Akan dibincangkan polisi umum MIC terhadap masalah devian.
  - (b) Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan untuk mengatasi masalah di atas.
  - (c) Cara yang digunakan oleh MIC untuk mengatasi masalah-masalah berikut:
    - (i) gangsterisme
    - (ii) dadah
    - (iii) pelacuran
    - (iv) alkoholisme

## 7. Kesimpulan

Tidak ada sebarang data tepat dan lengkap mengenai penglibatan masyarakat India ke dalam aktiviti jenayah sebelum dan selepas kemerdekaan di Ibu Pejabat MIC. Ini tidaklah bermaksud masyarakat India tidak melakukan sesuatu pun yang bercanggah dengan undang-undang. Oleh kerana masyarakat India pada peringkat awal banyak bertumpu di estet-estet getah, maka segala aktiviti mereka pun melingkari estet tersebut sahaja. Segala kesalahan jenayah seperti mencuri, merosakkan harta benda awam, bergaduh, menjadi ahli kongsi gelap dan lain-lain jarang dibawa ke pengetahuan pihak polis.

Mengikut Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat Dato' Paduka Zaleha Ismail:

*60% keluarga asas di Malaysia adalah keluarga yang kecil. Jadi, ibu bapa dapat membentuk keperibadian yang baik dalam jiwa anak-anak mereka.<sup>5</sup>*

Kegagalan mengawal tingkahlaku oleh masyarakat India menyebabkan mereka mula melibatkan diri dalam aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang. Kejadian yang kerap berlaku adalah pergaduhan. Pergaduhan ini berlaku disebabkan oleh dua faktor utama. Pertamanya, disebabkan oleh mereka yang meminum arak (samsu). Keduanya, adalah disebabkan oleh wanita. Perbincangan detail mengenai aspek ini akan dibuat dalam bahagian gangterisme dan alkoholisme.

---

<sup>5</sup> Malaysia Nanban, 25 Februari 1996, hlm 14.

Apabila negara mencapai kemajuan, pelbagai usaha dan saluran digunakan oleh masyarakat India ini untuk memperoleh sumber kewangan. Ini mengakibatkan mereka melibatkan diri dengan pengedaran dan penyalahgunaan dadah, aktiviti pelacuran, pergaduhan (peras ugut, pembunuhan) dan lain-lain lagi. Di sini, akan dibincang penglibatan masyarakat India dalam masalah sosial yang serius sahaja dan peranan MIC dalam usaha mengatasi masalah sosial ini. Faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat India melibatkan diri dalam masalah sosial tidak akan dibincangkan.

## 6.1 Gangsterism

Masalah gangsterism di kalangan masyarakat India bukanlah perkara baru. Sejak kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu sehingga sekarang masalah ini masih berterusan. Pada peringkat awal, masalah gangsterism ini tidaklah serius. Istilah gangsterisme ini diberi pada masyarakat India pada tahun 1970an apabila ramai remaja India terlibat dalam aktiviti salah laku.

*Mulai tahun 1960an, ramai remaja lelaki mula menjadi ahli kumpulan gangster untuk mendapatkan perlindungan.<sup>6</sup>* Kumpulan-kumpulan ini diwujudkan ekoran pengaruh daripada kumpulan gangster Cina yang telah lama bertapak di sini. Remaja atau lelaki yang tidak mahu membayar wang perlindungan dipukul ataupun diserang untuk mewujudkan rasa takut. Akibatnya,

---

<sup>6</sup> Temubual dengan Ketua Inspektor Encik Venugopal selaku Pegawai Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, Mei 1997. Beliau tidak dapat memberi maklumat dan data spesifik terhadap komennya.

mereka yang lemah terpaksa membayar wang perlindungan untuk menjaga keselamatan diri dan keluarga mereka.

Keadaan ini telah menyebabkan lebih banyak kumpulan gangster lahir di kawasan-kawasan yang berlainan.

Pada peringkat awal, pergaduhan di kalangan masyarakat India biasanya disebabkan oleh gadis-gadis impian yang menjadi rebutan dua kumpulan. Kegagalan memiliki gadis tersebut mencetuskan pergaduhan antara kedua-dua kumpulan ini. Keadaan ini berkekalan sehingga tahun 1970an. Alat yang biasa digunakan adalah kayu, *parang, rantai basikal, parang samurai dan alat-alat tajam lain*<sup>7</sup> yang boleh mencederakan seseorang.

Di samping itu, pergaduhan antara dua kumpulan dicetuskan oleh insiden mengusik anak gadis, isteri orang ataupun lelaki pendiam. Ini menyebabkan orang yang dianaya ini cuba membalas dendam dengan mendapatkan bantuan dan pertolongan dari saudara mara mereka. Selain itu, pergaduhan juga bermula apabila seseorang yang mabuk meminum alkohol mengeluarkan kata-kata kesat terhadap jiran, saudara-mara ataupun orang awam. Kehilangan kesabaran menyebabkan sipemabuk dipukul. Ini mengakibatkan insiden membalas serangan ke atasnya berlaku.

Pada kebiasaannya, dua kumpulan gangster tidak akan tinggal di kawasan yang sama. Mereka tinggal berdekatan ataupun jauh dari kawasan-

---

<sup>7</sup> Temubual dengan Encik Raja Maniam yang telah bersara daripada menjadi ahli kumpulan gangster di Ipoh, pada 18 September 1997.

kawasan ini. Kumpulan gangster seolah-olah *menjadi pelindung* kepada masyarakat India di kawasan ini.<sup>8</sup> Ini adalah supaya orang luar tidak berani mengusik atau mengganggu penduduk di kawasan ini. (Terutamanya gadis, wanita, lelaki yang lemah).

Kumpulan samseng India ini tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan “Triad Society” yang ada di negara ini seperti Ang Beng Hoay (ABH) dan Wah Kee yang dipelopori oleh kaum Cina. Bagi samseng masyarakat India, “siapa kuat, dia ketua” ataupun “Rule of Jungle” menjadi pegangan mereka.<sup>9</sup> Kemudian, samseng masyarakat India mencontohi samseng kumpulan Cina dalam membentuk nombor dan nama kumpulan mereka.

Kumpulan-kumpulan ini juga ada nama-nama ataupun nombor-nombor tertentu. Contohnya: Remaja yang tinggal di Buntong, Ipoh, Perak menggunakan nombor 08. Remaja kawasan bandar Ipoh pula menggunakan nombor 21 (dua satu).<sup>10</sup> Remaja di Seberang Prai dan Butterworth menggunakan nombor 04. Selain itu, ada juga kumpulan gangster yang menggunakan gelaran. Mereka juga ada identiti tersendiri untuk mengenali antara satu sama lain. Contohnya, ahli kumpulan 08 akan tindik telinga kanan dan bersubang, manakala

---

<sup>8</sup> Temubual dengan Encik Vicky (nama samaran – meminta agar nama sebenar tidak didedahkan) di Pantai Dalam pada 19 September 1997.

<sup>9</sup> Temubual dengan Ketua Inspektor Encik Venugopal selaku Pegawai Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, pada Mei 1997.

<sup>10</sup> Temubual dengan Encik Raja yang lebih dikenali sebagai “Buntung Raja”. Beliau memberitahu bahawa pengenalan dan perlindungan adalah penting bagi menjamin keselamatan dirinya pada awal tahun 1960an sehingga 1970. Kini beliau sudah berusia 75 tahun dan tinggal di Kampar, Perak, 18 September 1997.

kumpulan 21 sebaliknya. Ada pelbagai cara yang digunakan oleh ahli kumpulan ini untuk mengetahui seseorang itu ahli kumpulan yang mana satu.

Menjelang tahun 1970an, pergaduhan antara dua kumpulan gangster menjadi semakin ketara. Ramai yang kehilangan anggota badan, ahli keluarga dan sebagainya. Namun, pergaduhan antara kumpulan masih terus berterusan. Pengaruh kumpulan gangster ini mula lumpuh menjelang tahun 1980. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya, ketua-ketua kumpulan ini telah melibatkan diri dalam penagihan dadah, perkahwinan campuran antara anggota keluarga kumpulan-kumpulan gangster ini.

Tetapi, apabila menjelang 1990an, sekali lagi aktiviti ini mula aktif. Remaja-remaja India mula melibatkan diri dengan kumpulan-kumpulan gangster ini untuk mendapat pengiktirafan sebagai seorang lelaki dewasa. Di samping itu, remaja berasa seronok apabila berada dalam kumpulan kawasan mereka. Ini menyebabkan mereka mula mengusik, menyindir dan lain-lain lagi. Ini mengakibatkan aktiviti membala dendam berlaku dan berterusan.

Sementara itu, contoh ahli gangster yang paling menggemparkan masyarakat Malaysia dan masyarakat India sejak baru-baru ini ialah “Bentong Kali” (Kalimuthu). *“Bentong Kali” mempunyai kumpulan tersendiri yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti negatif.<sup>11</sup>* Pada masa inilah ramai remaja India mula

---

<sup>11</sup> Maklumat mengenai “Bentong Kali” atau nama sebenarnya Kalimuthu telah disiarkan oleh media massa terutamanya oleh semua akhbar-akhbar tempatan setelah Kalimuthu ditembak mati oleh Pihak Berkuasa pada tahun 1994, Tamil Nesan, 9 Jun, 1994.

menjadi anggota kumpulan gangster ini samada dengan pengetahuan ibu bapa atau sebaliknya.

Wang perlindungan telah menjadi satu kemestian bagi kebanyakan remaja India di bandaraya Kuala Lumpur. Pada "kali" dan pengikut-pengikut akrabnya, penggunaan pistol menjadi tabiat mereka. "Bentong kali" sanggup menembak mati sesiapa sahaja yang sanggup ataupun yang pernah menipunya. Semasa "Bentong Kali" memperluas pengaruhnya di kalangan remaja India. Pihak polis memberitahu bahawa salah laku di kalangan remaja sudah melepas tahap kawalan.

Selepas "Bentong Kali" ditembak mati, maka remaja India sekali lagi sudah mula menunjukkan penguasaan dalam aktiviti negatif. Sekali lagi pihak berkuasa menghadapi masalah dengan masyarakat India. Mengikut Samy Vellu:

*"Penglibatan remaja India dalam kegiatan salah laku tidaklah serius tetapi harus mengambil tindakan untuk membendungnya."*<sup>12</sup>

Tetapi mengikut laporan Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Nor, penglibatan masyarakat India dalam aktiviti salah laku telah melepas had kawalan, dan perlu diambil tindakan untuk membendungnya. Jika dilihat statistik yang diberi, kebenaran ini sudah pasti menjadi kenyataan (Lihat statistik). Perkara yang paling membimbangkan masyarakat India ialah penglibatan remaja India dalam aktiviti negatif ini.

---

<sup>12</sup> Malaysia Nanban, 8 Julai 1997, hlm 3.

Walaupun tiada statistik terperinci mengenai masyarakat India yang terlibat dengan kumpulan samseng sebelum tahun 1970, tetapi kini (1996) terdapat 51 kumpulan samseng yang dikenalpasti oleh pihak polis.<sup>13</sup> Seramai 1454 orang menjadi ahli kumpulan ini yang bergerak aktif.<sup>14</sup> Negeri-negeri yang menjadi pusat kegiatan kumpulan gangster ini ialah Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kedah dan Perak.

Berikut adalah jumlah kumpulan gangster yang dikenalpasti oleh Ibu Pejabat Kontinjen Polis Bukit Aman pada tahun 1996.

**JADUAL 6.1**  
**JUMLAH KUMPULAN GANGSTER INDIA MENGIKUT**  
**NEGERI SEHINGGA TAHUN 1996**

Bil	NEGERI	JUMLAH
1	Pulau Pinang	13 kumpulan
2	Negeri Sembilan	10 kumpulan
3	Perak	8 kumpulan
4	Kuala Lumpur	5 kumpulan
5	Selangor	5 kumpulan
6	Pahang	4 kumpulan
7	Kedah	4 kumpulan
8	Johor	2 kumpulan

**Sumber:** Maklumat dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman,  
Kuala Lumpur, 1997

**AMARAN:** *Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sesiapa yang melanggar AMARAN ini boleh dikenakan tindakan undang-undang.*

<sup>13</sup> Maklumat dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997.

<sup>14</sup> Encik Venugopal, "Penglibatan Kaum India Dalam Jenayah Kekerasan", selaku Pegawai Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Data yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur, Mei 1997, hlm 1.

Tetapi, masih banyak lagi kumpulan yang belum dikenalpasti oleh pihak polis. Mengikut pihak Polis Bukit Aman, kewujudan kumpulan gangster sementara adalah lebih banyak berbanding dengan kumpulan gangster kekal.

Di bawah ini adalah tindakan pihak polis di bawah Undang-Undang Pencegahan (Ordinan Darurat 5/69) sehingga 31.5.1997:<sup>15</sup>

India	149 (46%)
Cina	139 (43.15%)
Melayu	31 (9.5%)
Lain-lain bangsa	3 (1.1%)
	=====
	322 (100%)
	=====

Mereka ini ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam. Jumlah banduan yang ditahan di bawah ordinan yang sama seperti di atas<sup>16</sup> ialah:

India	62 (33%)
Cina	93 (50%)
Melayu	32 (17%)
	=====
Jumlah	187 (100%)
	=====

Daripada maklumat yang diberi oleh pihak Polis Bukit Aman, boleh dikatakan bahawa penglibatan masyarakat India dalam aktiviti jenayah

<sup>15</sup> Temubual dengan Encik Arumugam selaku Ketua Inspektor Jabatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada Mei, 1997.

<sup>16</sup> Venugopal, *Penglibatan Kaum India Dalam Jenayah Kekerasan*, data yang tidak diterbitkan, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997.

adalah sangat tinggi berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Negeri Selangor banyak menghadapi masalah gangster India ini berbanding dengan negeri-negeri lain kerana pembangunan pesat yang dialaminya.

Berikut adalah tangkapan ahli kumpulan gangster India mengikut negeri di bawah seksyen 3(1) Ordinan Darurat 5/69.<sup>17</sup>

**JADUAL 6.2**  
**JUMAH TANGKAPAN AHLI KUMPULAN GANGSTER**  
**INDIA DARI 1995 HINGGA 31.5.1997<sup>18</sup>**

Kontinjen	1995	1996	Sehingga 31.5.1997
	Tangkap	Tangkap	Tangkap
	3(1)	3(1)	3(1)
Perlis	-	-	-
Kedah	7	-	-
Pulau Pinang	8	15	9
Perak	-	10	1
Selangor	17	14	8
Kuala Lumpur	-	3	3
Negeri Sembilan	-	5	6
Melaka	-	-	-
Johor	3	10	1
Pahang	1	2	-
Terengganu	-	-	-
Kelantan	1	-	-
Sabah	-	-	-
Sarawak	-	-	-
Jumlah	37	59	28

**Sumber:** Maklumat dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997

**AMARAN** *Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sesiapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.*

<sup>17</sup> Statistik di atas diberi oleh Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997.

<sup>18</sup> Venugopal, *op.cit.*, hlm 3.

JADUAL 6.3

PERANGKAAN PENGLIBATAN /TANGKAPAN MENGIKUT KAUM  
TAHUN 1991.

JENAYAH KEKERASAN	JUM. KES	KES SEL	%	TGKP	PENGLIBATAN MENGIKUT KAUM							
					MEL	%	CIN	%	IND	%	LLB	%
BUNUH	415	184	44.34	53	10	18.87	21	39.62	19	35.85	3	5.66
CUBA BUNUH	31	9	29.03	53	22	41.51	18	33.96	10	18.87	3	5.66
SAM. B'KAWAN	58	10	17.24	64	16	25.00	28	43.75	7	10.94	13	20.31
BERSENJATAPI												
SAM. B'KAWAN	350	58	16.57	46	15	32.61	13	28.26	18	39.13	0	0.00
T SENJATAPI												
SAMUN	632	54	8.54	20	14	70.00	0	0.00	6	30.00	0	0.00
BERSENJATAPI:												
SAMUN TANPA	4769	490	10.27	345	156	45.22	112	32.46	67	19.42	10	2.90
BERSENJATAPI												
ROGOL	706	435	61.61	135	109	80.74	11	8.15	9	6.67	6	1.44
CEDERA KAN	2557	1296	50.68	605	202	33.39	183	30.25	205	33.88	15	2.48
MANUSIA												
JUMLAH	9518	2536	26.64	1321	544	41.18	386	29.22	341	25.81	50	3.79
PECAH RUMAH												
SIANG HARI	5291	465	10.84	344	223	64	18.60	47	13.66	10	2.91	
PECAH RUMAH												
MALAM HARI	13218	1019	7.71	869	604	69.51	129	14.84	132	15.19	31	3.57
CURI MALORIVAN	812	135	16.62	103	35	33.98	29	28.16	30	29.13	9	8.74
CURI MOTORKAR	2545	522	20.51	177	70	39.55	38	21.47	52	29.38	17	9.60
CURI MOTOSIKAL	9440	1389	14.71	1035	473	45.70	280	27.05	237	22.90	45	4.35
CURI BASIKAL	2039	211	10.35	248	96	38.71	70	28.23	68	27.42	14	5.65
LAIN LAIN CURI	24076	4163	17.29	5003	2486	49.69	1492	29.82	912	18.23	113	2.26
JUMLAH	56421	7904	14.01	7806	3987	51.08	2102	26.93	1478	18.93	239	3.06
JUMLAH BESAR	65939	10440	15.83	9128	4531	49.64	2488	27.26	1819	19.93	289	3.17

BAHAGIAN RISIKAN JENAYAH BUKIT AMAN

UNTUK KAJIAN ILMIAH SAHAJA

**PERANGKAAN PENGLIBATAN /TANGKAPAN MENGIKUT KAUM**  
**TAHUN 1992.**

JENAYAH KEKERASAN	JUM. KES	KES SEL	%	TGKP	PENGLIBATAN MENGIKUT KAUM							
					MEL	%	CIN	%	IND	%	LLB	%
BUNUH	410	186	45.37	50	11	22.00	12	24.00	26	52.00	1	2.00
CUBA BUNUH	44	22	50.00	28	23	82.14	2	7.14	1	3.57	2	7.14
SAM. B'KAWAN	57	9	15.79	34	7	20.59	8	23.53	11	32.35	8	23.53
BERSENJATAPI												
SAM. B'KAWAN	487	71	14.58	60	33	55.00	15	25.00	11	18.33	1	1.67
T SENJATAPI												
SAMUN	626	39	6.23	22	7	31.82	0	0.00	13	59.09	2	9.09
BERSENJATAPI												
SAMUN TANPA	4791	501	10.46	266	126	47.37	88	33.08	43	16.17	9	3.38
BERSENJATAPI												
ROGOL	719	462	64.26	208	170	81.73	11	5.29	20	9.62	7	3.37
CEDERA KAN	2863	1354	47.29	415	171	41.20	107	25.78	128	30.84	9	2.17
MANUSIA												
JUMLAH	9997	2644	26.45	1083	548	50.60	243	22.44	253	23.36	39	3.60
PECAH RUMAH												
SIANG HARI	4967	575	11.58	282	180	63.83	46	16.31	48	17.02	8	2.84
PECAH RUMAH												
MALAM HARI	15780	1177	7.46	870	672	77.24	61	7.01	116	13.33	21	2.41
CURI MILORIVAN	912	91	9.98	62	20	32.26	18	29.03	21	33.87	3	4.84
CURI MOTORKAR	2746	394	14.35	168	67	39.88	54	32.14	42	25.00	5	2.98
CURI MOTOSIKAL	10671	1328	12.44	1019	457	44.85	282	27.67	229	22.47	51	5.00
CURI BASIKAL	2337	207	8.86	254	93	36.61	71	27.95	78	30.71	12	4.72
LAIN LAIN CURI	25472	4516	17.73	5560	2215	39.84	1452	26.12	1680	30.22	213	3.83
JUMLAH	62885	8288	13.18	8215	3704	45.09	1984	24.15	2214	26.95	313	3.81
JUMLAH BESAR	72882	10932	15.00	9298	4252	45.73	2227	23.95	2467	26.53	352	3.79

BAHAGIAN RISIKAN JENAYAH BUKIT AMAN

UNTUK KAJIAN ILMIAH SAIJAJA

**PERANGKAAN PENGLIBATAN STANGKAPAN MENGIKUT KAUM**  
**TAHUN 1993.**

<b>JENAYAH KEKERASAN</b>	<b>JUM. KES</b>	<b>KES SEL</b>	<b>%</b>	<b>TGKP</b>	<b>PENGLIBATAN MENGIKUT KAUM</b>							
					<b>MEL</b>	<b>%</b>	<b>CIN</b>	<b>%</b>	<b>IND</b>	<b>%</b>	<b>LLB</b>	
BUNUH	432	180	41.67	82	18	21.95	29	35.37	21	25.61	14	17.07
CUBA BUNUH	72	35	48.61	52	14	26.92	16	30.77	15	28.85	7	13.46
SAM. B' KAWAN	88	13	14.77	32	8	25.00	14	43.75	6	18.75	4	12.50
BERSENJATAPI												
SAM. B' KAWAN	515	80	15.53	157	62	39.49	42	26.75	36	22.93	17	10.83
T' SENJATAPI												
SAMUN	907	52	5.73	70	16	22.86	34	48.57	13	18.57	7	10.00
BERSENJATAPI												
SAMUN TANPA	5266	679	12.89	377	149	39.52	113	29.97	76	20.16	39	10.34
BERSENJATAPI												
ROGOL	869	558	64.21	297	189	63.64	50	16.84	39	13.13	19	6.40
CEDERAKAN												
MANUSIA	2925	1468	50.19	728	231	31.73	169	23.21	229	31.46	99	13.60
JUMLAH	11074	3065	27.68	1795	687	38.27	467	26.02	435	24.23	206	11.48
PECAH RUMAH												
SIANG HARI	5503	736	13.37	957	361	37.72	227	23.72	203	21.21	166	17.35
PECAH RUMAH												
MALAM HARI	17149	1574	9.18	1748	891	50.97	297	16.99	312	17.85	248	14.19
CURI MILORIVAN	1100	135	12.27	74	24	32.43	23	31.08	16	21.62	11	14.86
CURI MOTORKAR	2583	426	16.49	220	85	38.64	73	33.18	54	24.55	8	3.64
CURI MOTOSIKAL	12431	1531	12.32	1018	625	61.39	168	16.50	187	18.37	38	3.73
CURI BASIKAL	2558	427	16.69	302	147	48.68	64	21.19	80	26.49	11	3.64
LAIN LAIN CURI	27405	5449	19.88	5862	2814	48.00	1231	21.00	1456	24.84	361	6.16
JUMLAH	68729	10278	14.95	10181	4947	48.59	2083	20.46	2308	22.67	843	8.28
JUMLAH BESAR	79803	13343	16.72	11976	5634	47.04	2550	21.29	2343	19.56	1049	8.76

BAHAGIAN RISIKAN JENAYAH, BUKIT AMAN

UNTUK KEGUNAAN KAJIAN ILMIYAH SAIIAJA

JENAYAH KEKERSAN	JUM. KES	KES SEL	%	TGKP	PENGLIBATAN MENGIKUT KAUM							
					MEL	%	CIN	%	IND	%	LLB	%
BUNUH	377	181	48.01	72	45	62.50	12	16.67	7	9.72	8	11.11
CUBA BUNUH	41	19	46.34	36	8	22.22	15	41.67	9	25.00	4	11.11
SAM. B'KAWAN	68	12	17.65	22	7	31.82	9	40.91	1	4.55	5	22.73
BERSENJATAPI												
SAM. B'KAWAN	559	109	19.50	171	65	38.01	87	50.88	14	8.19	5	2.92
T'SENJATAPI												
SAMUN	617	42	6.81	77	18	23.38	41	53.25	11	14.29	7	9.09
BERSENJATAPI												
SAMUN TANPA	4828	571	11.83	418	207	49.52	147	35.17	28	6.70	36	8.61
BERSENJATAPI												
ROGOL	765	747	97.65	524	256	48.85	192	36.64	35	6.68	41	7.82
CEDERAKAN	2846	1552	54.53	904	322	35.62	309	34.18	20	2.21	69	7.63
MANUSIA												
JUMLAH	10301	3233	31.39	2242	928	41.39	812	36.22	125	5.58	175	7.81
PECAH RUMAH												
SIANG HARI	5155	648	12.57	775	321	41.42	308	39.74	127	16.39	19	2.45
PECAH RUMAH												
MALAM HARI	16398	1402	8.55	2186	809	37.01	587	26.85	534	24.43	256	11.71
CURI MILORIVAN	992	189	19.05	84	31	36.90	28	33.33	18	21.43	7	8.33
CURI MOTORKAR	2459	514	20.90	154	76	49.35	52	33.77	20	12.99	6	3.90
CURI MOTOSIKAL	13975	2370	16.96	1282	539	42.04	239	18.64	389	30.34	115	8.97
CURI BASIKAL	2058	243	11.81	266	89	33.46	64	24.06	47	17.67	26	9.77
LAIN LAIN CURI	24638	5994	24.33	6275	3873	61.72	849	13.53	1053	16.78	500	7.97
JUMLAH	65675	11360	17.30	11022	5738	52.06	2127	19.30	2188	19.85	929	8.43
JUMLAH BESAR	75976	14593	19.21	13264	6666	50.26	2939	22.16	2313	17.44	1104	8.32

JADUAL 6.7

PERANGKAAAN PENGLIBATAN/TANGKAPAN MENGIKUT KAUM

TAHUN 1995.

JENAYAH KEKERASAN	JUM. KES	KES SEL	%	TGKP	PENGLIBATAN MENGIKUT KAUM 1995							%
					MEL	%	CIN	%	IND	%	LLB	
BUNUH	396	201	50.76	147	37	25.17	62	42.18	29	19.73	19	12.93
CUBA BUNUH	38	24	63.16	20	5	25.00	10	50.00	3	15.00	2	10.00
SAM. B'KAWAN BERSENJATAPI	85	14	16.47	34	9	26.47	13	38.24	7	20.59	5	14.71
SAM. B'KAWAN T'SERJATAPI	459	94	20.48	238	76	31.93	46	19.33	67	28.15	49	20.59
SAMUN BERSENJATAPI	606	49	8.09	47	9	19.15	27	57.45	7	14.89	4	8.51
SAMUN TANPA BERSENJATAPI	4809	661	13.75	390	109	27.95	198	50.77	63	16.15	20	5.13
ROGOL	1029	845	82.12	470	220	46.81	103	21.91	76	16.17	71	15.11
CEDERA KAN	3111	1913	61.49	800	269	33.63	253	31.63	199	24.88	79	9.88
MANUSIA												
JUMLAH	10533	3801	36.09	2146	734	34.20	712	33.18	451	21.02	249	11.60
PECUAH RUMAH SIANG HARI	5484	627	11.43	738	352	47.70	175	23.71	149	20.19	62	8.40
PECUAH RUMAH MALAM HARI	16616	1531	9.21	1236	693	56.07	236	19.09	219	17.72	95	7.69
CURI MILORIVAN	1186	210	17.71	79	25	31.65	28	35.44	20	25.32	6	7.59
CURI MOTORKAR	2723	420	15.42	223	65	29.15	86	38.57	48	21.52	24	10.76
CURI MOTOSIKAN	16373	2610	15.94	1794	742	41.36	653	36.40	285	15.89	114	6.35
CURI BASIKAL	1769	220	12.44	248	128	51.61	67	27.02	48	19.35	5	2.02
LAIN LAIN CURI	26442	5769	21.82	2722	1327	48.75	784	28.69	522	19.18	92	3.38
JUMLAH	70598	11387	16.13	7040	3332	47.33	2026	28.78	1291	18.34	398	5.65
JUMLAH BESAR	81126	15188	18.72	9186	4066	44.26	2738	29.81	1742	18.96	647	7.04

BUKIT AMAN

UNTUK KEGIATAN KAJIAN II.MIAI ISAFIIJA

**PERANGKAAAN PENGLIBATAN/TANGKAPAN MENGIKUT KAUM**

**TAHUN 1996**

JADUAL 6.8

JENAYAH KEKERASAN	JUM. KES	KES SEL	%	TGP	PENGLIBATAN MENGIKUT KAUM							
					MEL	%	CIN	%	IND	%	LLB	%
BUNUH	447	219	48.99	86	17	19.77	31	36.05	29	33.72	29	33.72
CUBA BUNUH	50	23	46.00	39	12	30.77	18	46.15	5	12.82	5	12.82
SAM. B'KAWAN	45	11	24.44	22	7	31.82	6	27.27	4	18.18	4	18.18
BERSENJATAPI												
SAM. B'KAWAN	831	168	20.22	210	104	49.52	61	29.05	24	11.43	24	11.43
T'SENJATAPI												
SAMUN	566	56	9.89	80	16	20.00	32	40.00	23	28.75	23	28.75
BERSENJATAPI												
SAMUN TANPA	5632	876	16.55	442	234	52.94	66	14.93	110	24.89	110	24.89
BERSENJATAPI												
ROGOL	1098	909	82.79	400	197	49.25	98	24.50	60	15.00	60	15.00
CEDERA KAN	3671	2286	62.27	1020	443	43.43	306	30.00	139	13.63	139	13.63
MANUSIA												
JUMLAH	12340	4548	36.86	2299	1030	44.80	618	26.88	394	17.14	394	17.14
PECAH RUMAH												
SIANG HARI	5635	663	11.77	839	260	30.99	261	31.11	122	14.54	122	14.54
PECAH RUMAH												
MALAM HARI	17193	1625	9.45	2270	927	40.84	521	22.95	461	20.31	461	20.31
CURI MILORIVAN	1324	204	15.41	94	36	38.30	29	30.85	8	8.51	8	8.51
CURI MOTORKAR	2929	492	16.80	269	84	31.23	106	39.41	27	10.04	27	10.04
CURI MOTOSIKAL	20932	3230	15.43	1421	639	44.97	436	30.68	125	8.80	125	8.80
CURI BASIKAL	1540	166	10.78	237	121	51.05	61	25.74	9	3.80	9	3.80
LAIN LAIN CURI	26009	6201	23.84	2978	1303	43.75	792	26.60	231	7.76	231	7.76
JUMLAH	75562	12581	16.65	8108	3370	41.56	2206	27.21	983	12.12	983	12.12
JUMLAH BESAR	87902	17129	19.49	10470	4400	42.02	2824	26.97	1377	13.15	1377	13.15

BUKIT AMAN

UNTUK KEGUNAAN KAJIAN JIMAI SAI ALA

Mengikut laporan sebuah akhbar Tamil, di Johor terdapat segelintir Pengerusi Cawangan MIC yang terlibat dengan aktiviti gangster dan kini telah melarikan diri ke Kuala Lumpur.<sup>19</sup>

### **6.1.1 Analisis Penglibatan Masyarakat India Dalam Aktiviti Jenayah**

Mengikut statistik yang diberikan oleh Ibu Pejabat Bukit Aman, peratus penglibatan masyarakat India dalam jenayah kekerasan mengalami keadaan turun naik. Mengikut Jadual 6.3 hingga 6.8, pada tahun 1991, penglibatan masyarakat India dalam jenayah kekerasan adalah 25.81% berkurangan kepada 23.36%, 24.2%, 5.58%, 21.02% dan 17.14% pada tahun-tahun berikutnya. Dalam jenayah kekerasan yang dilakukan oleh masyarakat India, jenayah bunuh merupakan yang paling ketara sekali sehingga hampir mencapai 34%.

Selain itu, jenayah rogol juga telah bertambah dari tahun ke tahun berikutnya. Pada tahun 1991, jenayah rogol ini hanya merangkumi 6.67% sahaja tetapi telah bertambah menjadi 15.00% pada tahun 1996. Peningkatan ini amat membimbangkan masyarakat India. Banyak perkara yang mendorong kepada berlakunya jenayah seperti ini.

Sementara itu, jenayah cubaan membunuh berkurangan dari 18.87% pada tahun 1991 menurun kepada 12.82% pada tahun 1996. Namun demikian, peningkatan kes-kes jenayah kekerasan berlainan menyebabkan

---

<sup>19</sup> Makkal Osai, 29 Jun 1997, hlm 2.

masyarakat India dicap sebagai masyarakat bermasalah yang perlukan penawar dengan segera. Jika tidak, kesan buruk akan menimpa masyarakat India dalam jangka masa panjang nanti.

Jenayah mencederakan orang lain pula berada pada paras melebihi 120 kes kecuali pada tahun 1994 iaitu 20 kes sahaja. Jenayah ini rata-rata dilakukan oleh ahli kongsi gelap. Tetapi, pengurangan kes jenayah ini pada tahun 1994 mungkin disebabkan oleh Kalimuthu (Bentong Kali) yang membunuh orang-orang yang pernah menganiayanya. Pada ketika itu, wujud satu kumpulan gangster yang lebih luas di kalangan masyarakat India (seolah-olah kewujudan kumpulan mafia).

Jenayah lain yang kerap dilakukan oleh masyarakat India adalah jenayah pecah rumah pada malam hari. Jumlah kes ini agak ketara pada tahun 1996 iaitu 461 kes. Selain itu, dalam jenayah curi penglibatan masyarakat India mengalami peratusan turun naik. Penglibatan paling tinggi adalah pada tahun 1992, iaitu 26.53%, manakala penglibatan minima ialah 13.15% pada tahun 1996.

### JADUAL 6.9

#### PERANGKAAN PENGLIBATAN/TANGKAPAN (KAUM INDIA) DARI TAHUN 1991 HINGGA 1996

JENAYAH KEKERASAN	PURATA KES SETAHUN BAGI 1991 – 1996	PURATA %
Bunuh	21.8	29.44
Cuba Bunuh	7.2	14.21
Sam. B. Kawan Bersenjata Api	6.0	17.56
Sam. B. Kawan Tanpa Bersenjata Api	28.3	21.34
Samun Bersenjata	12.2	27.60
Samun Tanpa Bersenjata Api	64.5	17.25
Rogol	39.8	11.21
Cenderakan Manusia	153.3	22.82
<b>JUMLAH</b>	<b>333.2</b>	<b>19.52</b>
Pecah Rumah Siang Hari	116.0	17.17
Pecah RumahMalam Hari	295.7	18.14
Curi M/Lori/Van	18.8	23.31
Curi Motokar	40.5	20.58
Cuti Motosikal	242.0	19.80
Curi Basikal	55.0	20.91
Lain-lain Curi	1238.2	19.50
<b>JUMLAH</b>	<b>1743.7</b>	<b>19.26</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>2010.2</b>	<b>19.39</b>

**Untuk kajian ilmiah sahaja**

**Sumber:** Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997

**AMARAN** *Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sesiapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.*

Mengikut Jadual 6.9, purata penglibatan masyarakat India dalam jenayah kekerasan bagi tempoh tahun 1991 – 1996 ialah 19.52%. Manakala, bagi jenayah curi, purata penglibatan berada pada 19.26%. Rata-rata, penglibatan masyarakat India dalam kes-kes jenayah adalah agak tinggi sekali sehingga hampir mencapai 20%.

Di sini umur masyarakat India yang terlibat dalam aktiviti jenayah tidak dibincangkan kerana pihak polis tidak membekalkan maklumat tersebut. Oleh itu, perbincangan penglibatan masyarakat India dalam aktiviti salah laku dibincangkan berdasarkan statistik yang diberi sahaja. Walaupun jumlah masyarakat India yang terlibat adalah lebih rendah berbanding dengan kaum-kaum lain, namun demikian peratusan yang tinggi ditunjukkan oleh masyarakat India. Ini adalah kerana jumlah penduduk India adalah 1.6 juta sahaja. Jadi, peratusan yang tinggi ini membimbangkan masyarakat lain. Ini adalah kerana takut masyarakat India akan menjadi “masyarakat pengacau” keamanan dan kestabilan politik dan ekonomi.

## 6.2 Dadah

Tiada data spesifik mengenai penglibatan masyarakat India dalam aktiviti penagihan dan penyalahgunaan dadah sebelum tahun 1970. Namun begitu, penglibatan masyarakat India dalam masalah ini mula ketara hanya selepas 1980. Ini adalah kerana tiada banyak pendedahan yang diterima oleh mereka. Selain itu, kebanyakan orang India masih berada di ladang-ladang getah. Mereka juga kurang mempunyai hubungan dengan dunia luar.

Kebanyakan remaja India pada ketika itu banyak terlibat dalam aktiviti rekreasi seperti bermain bola sepak dan bersukan. Jadi, tidak mustahil dikatakan penagihan dan penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat India belum mencapai tahap yang membimbangkan. Dalam pada itu, kebanyakan masyarakat India tidak mempunyai pendidikan tinggi. Selepas mereka tamat

sekolah rendah (biasanya sekolah Tamil), mereka akan mencari peluang pekerjaan di ladang getah tersebut.<sup>20</sup> Mereka tidak banyak mengetahui mengenai dunia luar disebabkan pendidikan mereka terhad. Keduanya, ikatan kekeluargaan yang masih rapat dan ingin meneruskan kehidupan di ladang yang menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Pada masa yang sama banyak ketua gangster telah mula terjebak ke kancalah najis dadah menggunakan wang perlindungan yang diterima daripada anak-anak buahnya menjelang tahun 1970an. Penglibatan ketua-ketua gangster ini telah mengakhiri penglibatan masyarakat India dalam aktiviti gangsterisme. Mereka yang disegani, kini menjadi penagih dadah yang meminta sedekah daripada orang awam untuk membeli dadah.

Negara mula mengalami pembangunan terancang mulai tahun 1980. Banyak peluang pekerjaan mula diwujudkan. Ini mengakibatkan berlaku migrasi masyarakat India dari kawasan perladangan ke kawasan perindustrian.

Mengikut Merton:

*... a social problem exists wherever there is a significant discrepancy between social standards and societal reality.<sup>21</sup>*

<sup>20</sup> Untuk maklumat lanjut, rujuk Bab Ke-3.

<sup>21</sup> Robert. K. Merton and Robert, A., Nisbet, (ed.), *The Study of Social Problems* and epilogue. "Social Problems and Sociological Theory", in *Contemporary Social Problems*, Harcourt Brace Jovanovich, 3<sup>rd</sup> ed., New Yori, 1971, hlm 1-28, 793-845, dalam Etzioni, Amitai, *Social Problems*, Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jersey, 1976, hlm 5.

Jadi, pendedahan mengejut kepada masyarakat India menyebabkan penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat India merebak dengan begitu cepat sekali. Menurut Khoo Kay Kim pula,

*Dadah itu suatu penyakit sosial, ia bermula daripada rumah dan sekolah iaitu dua alam sekitar yang berkait rapat dengan proses sosialisasi pemuda-pemudi satu-satu masyarakat.<sup>22</sup>*

Pendapat beliau ternyata jelas bahawa keluarga yang tidak aman seperti yang dijelaskan oleh Curtis turut menjadi punca masyarakat India terjebak dalam kancang najis dadah. Selain itu, sistem pendidikan yang diterima oleh masyarakat India juga turut menjadi salah satu punca masyarakat India melibatkan diri dalam kancang najis dadah selepas 1980an.

Sementara itu, mengikut laporan Kementerian Kesihatan pada tahun 1986, *sebanyak 15 peratus masyarakat India merokok*.<sup>23</sup> Jumlah ini merupakan satu jumlah yang agak tinggi yang boleh mendorong masyarakat India terjebak ke kancang penagihan dan penyalahgunaan dadah. Sejak tahun 1980an, remaja India yang mendapat peluang belajar di sekolah-sekolah menengah telah mula mengenali dengan lebih rapat mengenai jenis-jenis dadah dan bagaimana ia boleh menjaskas kesihatan seseorang.

Pendedahan yang berlebihan mengenai jenis-jenis dan fungsi dadah menyebabkan remaja India yang berpendidikan mula melibatkan diri dengan

<sup>22</sup> Khoo Kay Kim, Alias Mohamed, "Menjinakkan Murid-Murid Sekolah", *Masalah Sosial Dan Politik Di Malaysia*, Gateway Publishing House Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1984, hlm 19.

<sup>23</sup> Laporan Kementerian Kesihatan, data yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur, 1997.

penyalahgunaan dadah untuk menikmati kesan-kesan yang pernah mereka baca melalui media massa.

### **6.2.1 Analisis Penglibatan Masyarakat India Dalam Kancan Najis Dadah**

Mengikut statistik yang diberi oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, bilangan penagih dadah bertambah dari tahun ke tahun berikutnya. Mengikut Jadual 6.10 jumlah penagih dadah yang dikesan dari tahun 1970 – 1996 ialah 219,547 orang. Manakala, bilangan penagih dari tahun 1988 – 1996 ialah 65,249 orang. Ini menunjukkan purata penagih dadah bagi setahun ialah 7,249 orang hingga 8,444 orang.

**JADUAL 6.10**

#### **BILANGAN PENAGIH DADAH/ PENAGIH TEGAR YANG DIKESAN**

Bilangan Penagih Dari 1970 – 1996	219,547 orang
Bilangan Penagih Tegar Dari 1988 – 1996	65,249 orang

**Sumber:** Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman,  
Kuala Lumpur, 1997

**AMARAN** *Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sesiapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.*

Daripada jumlah yang disebut di atas tadi, bilangan penagih dadah India yang dikenalpasti adalah 988 orang pada tahun 1992 meningkat kepada

1,139, 1,309, 1,548, 1,314 orang pada tahun-tahun berikutnya. Mulai tahun 1992, bilangan penagih dadah mula meningkat dari 8,238 orang kepada 13,846 orang pada tahun 1996, iaitu peningkatan sebanyak 40.5%. (Lihat Jadual 6.11)

#### JADUAL 6.11

##### BILANGAN PENAGIH DADAH MENGIKUT PECAHAN BANGSA

BANGSA	1992	1993	1994	1995	1996	JUMLAH
MELAYU	5,661	7,501	8,631	9,760	10,652	42,205
CINA	1,245	1,389	1,301	1,401	1,299	6,635
INDIA	988	1,139	1,309	1,548	1,314	6,298
BANGSA-BANGSA LAIN	344	354	431	431	581	2,141
JUMLAH	8,238	10,383	11,672	13,140	13,846	57,279

Sumber: Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997

**AMARAN** *Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sesiapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.*

Jadi, bilangan penagih dadah India yang bertambah semakin membimbangkan masyarakat India. Ini adalah kerana purata 11 peratus penagih dadah terdiri daripada masyarakat India. Antara tahun 1992 hingga 1996, seramai 6,298 orang penagih India dikenalpasti oleh pihak polis. Walaupun jumlah ini kecil berbanding dengan jumlah masyarakat India, namun begitu jumlah ini adalah penagih yang diberkas oleh pihak polis sahaja. Masih ramai lagi yang terlibat dengan najis dadah ini bebas bergerak di kalangan masyarakat.

Daripada tahun 1992 – 1996, bilangan penagih dadah India yang dikenalpasti ialah 11% daripada 57,279 orang. Ini merupakan penglibatan serius oleh masyarakat India. Peratus penagih dadah bagi tahun 1992 ialah 12%. Bagi tahun-tahun berikutnya ialah 11%, 11.2%, 11.8% dan 9.5%.

**(a) Peringkat Umur Penagih Dadah**

Tiada data spesifik bilangan penagih dadah India mengikut umur. Oleh yang demikian, perbincangan akan dibuat secara keseluruhan.

**JADUAL 6.12**  
**BILANGAN PENAGIH DADAH MENGIKUT UMUR**

KUMPULAN UMUR	1992	1993	1994	1995	1996
<9	1	3	-	-	-
10-14	82	67	84	104	130
15-19	1,416	1,770	1,562	1,780	2,080
20-24	2,075	2,647	3,788	3,839	4,435
25-29	1,076	1,396	2,757	2,698	2,848
30-34	418	538	1,456	1,449	1,498
35-39	140	198	681	692	714
40-44	45	64	282	277	291
45-49	14	21	108	103	111
50-54	2	7	31	51	40
55-59	3	4	21	24	21
60-64	2	2	-	-	-
<65	1	2	-	-	-
NA	2,963	3,664	895	2,108	1,660
JUMLAH	8,238	10,383	11,672	13,140	13,846

**Sumber:** Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997

**AMARAN** *Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sesiapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang*

Berdasarkan Jadual 6.12, penagih dadah yang paling muda ialah kanak-kanak yang berusia 9 tahun. Ini menunjukkan bahawa penglibatan kanak-kanak dalam kancah najis dadah bukanlah sebagai penagih tetapi lebih kepada pengedar ataupun penghantar. Ini mungkin disebabkan pengedar mengetahui bahawa pihak berkuasa tidak akan mengenakan hukuman terhadap pengedar ataupun penghantar najis dadah bawah umur. Mengikut Freeman:

*Drug addiction obviously is not the exclusive problem of young adults ... ones probably begin their experience with drugs during this period of life.<sup>24</sup>*

Kebanyakan penagih dadah ini berumur antara 15-34 tahun. Umur ini merupakan umur persekolahan. Ini bermakna, banyak remaja yang terlibat dengan penagihan dadah. Walau bagaimanapun, penglibatan dalam penagihan dadah ini paling ketara ketika remaja berusia antara 20-24 tahun dan 25-29 tahun. Ini adalah kerana lebih daripada 2,000 remaja terlibat dengan kes penagihan dadah ini.

#### JADUAL 6.13

#### BELIA YANG TERLIBAT DENGAN PENAGIHAN DADAH

TAHUN	BILANGAN BELIA YANG TERLIBAT
1992	5,125
1993	6,549
1994	10,244
1995	10,458
1996	11,575
<b>Jumlah</b>	<b>43,951</b>

Nota: Belia berumur 15 tahun – 40 tahun  
(Polisi Belia Kebangsaan)

<sup>24</sup> Freeman, E. Howard, *Social Problems – Causes and Controls*, Rand McNally and Company, Chicago, 1971, hlm 434.

**BELIA YANG TERLIBAT DENGAN  
PENAGIHAN DADAH**

TAHUN	BILANGAN REMAJA YANG TERLIBAT
1992	1,499
1993	1,840
1994	1,646
1995	1,884
1996	2,210
<b>Jumlah</b>	<b>9,079</b>

**Sumber:** Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997

**AMARAN:** *Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sesiapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.*

Umur di antara 20 – 29 tahun merupakan peringkat yang paling penting dalam kehidupan seseorang. Pada masa inilah mereka akan terdedah kepada dunia luar secara meluas dan banyak pengaruh yang boleh mengubah seseorang. Pada peringkat umur ini juga seseorang itu sangat aktif. Kesemua ini boleh menyebabkan mereka yang sudah terjebak ke dalam kancang najis dadah terus menghancurkan hidupnya. Mengikut Freeman:

*... the social problems of the young adult represent the culmination of conflicts, discontinuities, and structural inequities of earlier periods in the life cycle.<sup>25</sup>*

Mengikut Jadual 6.13, banyak faktor yang boleh menjadi punca kepada penglibatan belia dalam dunia najis dadah. Seramai 43,951 orang belia

---

<sup>25</sup> Freeman, E. Howard, *op.cit.*, hlm 446.

terlibat dengan penagihan dadah dari tahun 1992-1996. Manakala, bagi tempoh yang sama, seramai 9,079 remaja terlibat dengan pengagihan dadah. Penglibatan belia dan remaja dalam penagihan dadah meningkat dari tahun ke tahun berikutnya.

**(b) Jenis Pekerjaan**

Tiada data spesifik yang dapat diperoleh daripada pihak berkuasa berkaitan dengan jenis pekerjaan penagih dadah keturunan India. Oleh yang demikian, perbincangan hanya akan bertumpu secara keseluruhan.

**JADUAL 6.14**

**BILANGAN PENAGIH DADAH MENGIKUT PEKERJAAN**

PEKERJAAN	1992	1993	1994	1995	1996
BINAAN	560	729	668	671	831
IKTISAS	87	133	136	145	123
JUALAN	675	911	1,040	928	1,044
TEKNIK	299	343	410	366	486
PENGANGKUTAN	387	62	578	599	686
KILANG	443	616	784	1,054	1,104
PEKERANIAN	92	174	196	167	120
PENTADBIRAN	673	803	831	869	782
PERTANIAN	730	803	831	981	753
BURUH AM	1,084	1,882	2,102	2,288	3,012
HIBURAN	3	16	10	21	15
PENGANGGUR	711	864	1,119	1,051	1,111
NA	2,525	2,647	2,842	4,000	3,779
<b>JUMLAH</b>	<b>8,238</b>	<b>10,383</b>	<b>11,672</b>	<b>13,140</b>	<b>13,846</b>

**Sumber:** Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997

**AMARAN:** *Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sesiapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.*

Mengikut jadual 6.14, buruh am, pekerja kilang, pekerja jualan dan penganggur banyak terlibat dengan dadah. Pihak polis mengenalpasti penagih dadah ini daripada pekerja kolar putih dan kerja kolar biru. Dua belas jenis pekerjaan dikategorikan oleh pihak polis. Terdapat satu bidang yang tidak dapat dikenalpasti jenis pekerjaan yang dibuat oleh penagih dadah ini.

Selain itu, penagih dadah dari pekerjaan buruh am terus meningkat dari setahun ke setahun. Begitu juga dengan bidang pengangkutan dan bidang-bidang lain. Tidak ada mana-mana jenis pekerjaan yang diberikan menunjukkan penurunan bilangan penagih dadah. Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa penagih dadah ini boleh datang dari mana-mana bidang pekerjaan sekalipun.

Kebanyakan penagih dadah dan bekas penagih dadah tidak mendapat tempat di pangkuhan masyarakat India. Biasanya, masyarakat India mengasingkan mereka yang terlibat dalam kancah najis dadah. Masyarakat India selalunya memandang rendah dan sangsi terhadap penagih dan bekas penagih dadah. Ini menyebabkan seseorang yang baru keluar dari pusat Serenti ataupun penjara terpaksa berhadapan dengan satu situasi yang agak rumit. Ini adalah kerana keengganan masyarakat India menerimanya. Ini menyebabkan seseorang penagih ataupun bekas penagih balik ke pangkuhan najis dadah.

JADUAL 6.15

BILANGAN PENAGIH DADAH YANG DIKESAN

TAHUN	PS	KDH	P/PG	PK	SEL	K/L	NS	MKA	JOH	KTN	TRG	PHG	SWK	SBH	NA	JUMLAH
1988	87	647	1,550	1,156	1,244	2,094	432	328	1,140	387	387	519	35	195	223	10,424
1989	52	488	947	885	723	1,462	324	287	758	322	191	462	48	650	32	7,631
1990	72	617	775	756	938	1,163	354	288	767	268	189	415	149	612	26	7,389
1991	101	520	581	1,032	1,159	1,082	386	391	1,088	400	348	512	158	324	1	8,083
1992	75	851	700	918	1,205	1,081	318	255	896	555	353	602	78	350	1	8,238
1993	77	829	1,235	1,115	1,492	1,566	431	374	1,139	617	322	761	65	360		10,383
1994	61	715	1,122	1,187	1,632	2,702	501	372	1,027	780	371	713	72	417		11,672
1995	87	806	1,759	1,148	1,745	2,618	623	482	1,125	1,080	414	791	81	381		13,140
1996	91	1,154	1,480	1,216	2,056	1,151	668	604	1,289	1,709	801	992	126	509		13,846
1997 (MEI)	53	399	555	420	961	561	187	102	232	638	339	278	34	414		5,173
JUMLAH	756	7,026	10,704	9,833	13,155	15,480	4,224	3,483	9,461	6,756	3,715	6,045	846	4,212	283	95,9/9

259

PENAGIH DADAH YANG DIKESAN DARI TAHUN 1988 HINGGA 1997 (MEI)  
(PENAGIH TERKUMPUL)

TAHUN	PS	KDH	P/PG	PK	SEL	K/L	NS	MKA	JOH	KTN	TRG	PHG	SWK	SBH	NA	JUMLAH
PENAGIH BARU	596	5,229	7,240	6,271	9,247	10,666	2,815	2,400	6,161	5,088	2,711	4,279	712	3,628		67,043
PENAGIH BERULANG	479	4,267	0,776	9,881	9,213	13,015	3,114	2,923	7,891	2,721	2,352	3,763	312	912		71,619
JUMLAH	1,075	9,496	18,016	16,152	18,460	23,681	5,323	4,052	7,809	5,063	8,042	1,024	4,540			138,662

Sumber: Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997.

Adalah menjadi kesalahan memetik sebarang data yang diberi untuk kegunaan ucapan urum dan politik untuk media massa (Kesalahan di bawah Ordinan)

Jadual 6.15 menunjukkan bilangan penagih dadah yang dikesan di seluruh Malaysia mengikut negeri dari tahun 1988 sehingga Mei 1997. Penagih berulang bagi tempoh masa tersebut lebih ramai iaitu 71,619 orang berbanding dengan penagih baru iaitu 67,043 orang. Walaupun tiada data spesifik pecahan kaum yang disenaraikan, namun boleh dikatakan penagih dadah masyarakat India juga turut terlibat sama.

Kini, lebih ramai remaja India mula melibatkan diri dengan najis dadah kerana boleh mendapat keuntungan lumayan tanpa bekerja keras. Ada di antara mereka yang mempunyai hubungan rapat dengan anggota Polis. Jadi, pengedar dan penjual dadah ini dapat mengetahui bila pihak Polis narkotik akan membuat serbuan.<sup>26</sup> Hubungan timbal balik ini menggalak lebih ramai masyarakat India melibatkan diri dengan pengedaran dadah terutamanya jenis ganja dan heroin. (Maklumat tidak rasmi hasil dari kajian). Contohnya, penjenayah “Bentong Kali” yang menembak mati 18 orang adalah salah seorang pengedar dadah jenis heroin. Kebanyakan mangsa “Bentong Kali” adalah mereka yang pernah menipu dia dalam urusan perniagaan dadah. Ini adalah kerana ketua-ketua pengedar ini mempunyai pengikut-pengikut remaja yang sanggup melakukan apa-apa sahaja.

Banyak badan-badan kebajikan dan sukarela yang ingin dan ada membantu memulihkan masyarakat India yang sudah terjebak dengan najis dadah. Tetapi, kejayaan yang diperoleh masih berada pada tahap minima.

---

<sup>26</sup> Temubual dengan salah seorang pengedar dadah (ganja) di Taman Sri Sentosa, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, 19 September 1997. Maklumat yang diberikan ini tidak dapat dibuktikan.

### 6.3 Pelacuran

Tiada data spesifik penglibatan masyarakat India dalam aktiviti pelacuran dan perbincangan ini juga tidak akan membincangkan faktor-faktor yang mendorong seseorang itu melacur. Masalah pelacuran di kalangan masyarakat India bukanlah satu masalah baru buat masa kini. Ini adalah kerana penglibatan kaum wanita India dalam kancah ini telah menjadi perkara lumrah Mengikut Julian,

*Prostitution has existed in almost every society since the dawn of history – it is sometimes referred to as “the oldest profession” ...<sup>27</sup>*

Pada peringkat awal, kegiatan pelacuran di kalangan masyarakat India ini tidak begitu ketara pada tahun-tahun 1950an, 1960an dan 1970an<sup>28</sup>. Ini adalah kerana negara belum mengalami pembangunan yang pesat. Pembangunan yang dialami oleh sesebuah negara akan turut menambah masalah sosial. Ini adalah hakikat arus pemodenan.

Mengikut Alias Mohamed:

*Para cendikiawan akan berkata bahawa pelacuran adalah sebahagian dari ciri dan juga akibat kemodenan dan bahawa pelacuran dan lain-lain kegiatan maksiat adalah harga yang terpaksa kita*

<sup>27</sup> Julian, Joseph. *Social Problems*, Appleton-Century-Crofts, New York, 1973, hlm 239.

<sup>28</sup> Temubual dengan Encik China Karupan, Ipoh, Perak pada 18 September 1999. Beliau berkata kegiatan pelacuran di kalangan masyarakat India berlaku secara senyap untuk menjaga maruah keluarga mereka yang terlibat.

*bayar kerana kita mahukan pembangunan material.*<sup>29</sup>

Kaum wanita India pada tahap awal ini diberi didikan agama dan didikan kesopanan yang secukupnya. Mereka ini dilarang keluar dari rumah selepas menjelang senja. Ini adalah untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini. Dalam pada itu, kaum wanita juga tidak banyak mendapat pendidikan sekular. Bagi masyarakat India ada pepatah yang berbunyi: *Setinggi mana pendidikan yang diterima pun kaum wanita harus ke dapur jua.*

Jadi, kaum wanita India kurang diberi didikan sekular tetapi banyak diberi didikan mentadbir keluarga. Sebab itulah, hubungan kekeluargaan adalah sangat akrab pada masa dahulu. Kaum wanita harus tahu mengurus rumah dan keluarga sebelum berumah tangga. Pada ketika ini, jarang ada berita ataupun maklumat yang mengatakan wanita-wanita India terlibat dengan aktiviti pelacuran. Namun demikian, masih terdapat segelintir kecil kaum wanita India yang terlibat dengan aktiviti pelacuran.<sup>30</sup> Masyarakat India pada kebiasaannya akan mengenepikan hubungan mereka dengan wanita-wanita “jenis” ini untuk menjaga nama keluarga dan sanak-saudara mereka.<sup>31</sup>

<sup>29</sup> Khoo Kay Kim, Alias Mohamed, “Pelacuran Remaja”, *Masalah Sosial dan Politik Di Malaysia*, Gateway Publishing Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1984, hlm 46.

<sup>30</sup> Temubual dengan Puan Ramayee, Ipoh, Perak pada 18 September 1997. Beliau berkata bahawa kegiatan pelacuran ini bukan sahaja dilakukan oleh wanita yang belum berumah tangga tetapi ada di antara mereka yang sudahpun mempunyai keluarga.

<sup>31</sup> Saraswathy, Veloo, *Pelacuran Di Kalangan Masyarakat India Di Malaysia : Satu Kajian Di Lembah Klang*, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996/97, hlm 30.

Wanita-wanita yang terlibat dengan aktiviti pelacuran dipandang hina oleh masyarakat India. Oleh yang demikian, penglibatan wanita-wanita India dalam aktiviti pelacuran ini masih berada pada tahap paling minima.

Dalam pada itu, disiplin dan larangan yang dikenakan terhadap anak-anak perempuan tidak memberi peluang kepada golongan wanita ini keluar rumah dengan bebas. Ketegasan ibu bapa terhadap anak perempuan mereka berjaya membendung mereka daripada terlibat dalam aktiviti negatif. Di samping itu, setiap kali anak perempuan keluar, mereka akan diiringi oleh salah seorang ahli keluarga untuk memastikan tingkahlaku mereka tidak melanggar peraturan kesopanan keluarga yang ditetapkan. Pada kebiasaannya, nama baik keluarga lebih diutamakan berbanding kekayaan ataupun hal-hal lain.

Walaupun masyarakat India telah mengenakan banyak larangan terhadap kaum wanita, namun demikian masih terdapat segelintir wanita India yang terlibat dengan aktiviti pelacuran. Penglibatan seperti ini adalah kerja warisan keluarga. Mereka ini menganggap pekerjaan pelacuran ini sebagai pekerjaan yang mulia. Ini adalah kerana mereka dapat menggembirakan orang lain.<sup>32</sup> Sementara itu, perkembangan pendidikan memberi peluang kepada kaum wanita untuk menimba ilmu. Mereka tidak lagi dianggap golongan yang sesuai khidmat di dapur sahaja. Ini sekaligus memberi laluan kepada kaum wanita India

---

<sup>32</sup> Temubual dengan Cik Indra di Brickfields, pada 19 September 1997. Beliau berumur dalam lingkungan 20an dan masih aktif dalam kegiatan pelacuran. Walaupun ada faktor lain melibatkan beliau dalam kegiatan ini, tetapi beliau masih berasa puas kerana dapat menggembirakan orang lain.

keluar mencari peluang pekerjaan yang sesuai mengikut kelulusan akademik dan iktisas mereka.

Era baru dalam kehidupan mereka ini memberi peluang bergaul dengan kaum lelaki. Ini mengakibatkan ada di antara wanita India ini mula berlaku sumbang terhadap suami mereka.<sup>33</sup> Perbuatan ini juga boleh dianggap sebagai aktiviti “pelacuran” walaupun mereka ini memberi alasan yang memihak kepada kepada mereka.

Pembangunan yang pesat awal tahun 1990an telah memberi ruang yang lebih besar untuk mencari sumber kewangan. *The Commercialization of sexual activity represents an interesting dilemma from the perspective of social-problem identification.*<sup>34</sup> Ini mengakibatkan ada di antara wanita India sanggup melacur diri semata-mata untuk mendapatkan pendapatan tambahan. Mengikut Julian, *Prostitutes sell sexual favors, to anyone who will pay, as a way of making a living.*<sup>35</sup> Kehidupan di bandar yang penuh cabaran mengakibatkan lebih ramai wanita India terlibat dengan aktiviti pelacuran tanpa pengetahuan ahli keluarga, suami dan anak-anak mereka.

<sup>33</sup> Makkal Osai, 14 Februari, 1999, hlm 1.

<sup>34</sup> Freeman, E. Howard, *Social Problems : Causes And Controls*, Rand McNally and Company, Chicago, 1971, hlm 396.

<sup>35</sup> Julian, Joseph, *Social Problems*, Appleton-Century-Crofts, New York, 1973, hlm 239.

JADUAL 6.16

KES BARU YANG DIDAFTAR MENGIKUT  
NEGERI DAN KUMPULAN ETNIK  
1994 & 1995

	DILATIH BAGI PELACURAN									
	1994					1995				
	M	C	I	L	J	M	C	I	L	J
Johor	4	49		5	58	2	20			22
Kedah	1			2	3	3				3
Kelantan					0					0
Melaka	2	2		1	5		2			2
N. Sembilan	2	4	2	1	9	1		2		3
Pahang	2	1			4		5	1		6
Perak	9	10			19	5	19	1		25
Perlis	1				1	1			1	2
Pulau Pinang	22	19	2		43	18	11		1	30
Selangor	23	14	12		49	4	2	1		7
Terengganu	4				4	13				13
W. Persekutuan K.L.	40	63	9	2	114	11	35	1	2	49
W. Persekutuan Labuan					0					0
Sabah		1		1	2					0
Sarawak	4	3		19	26	4	7		16	27
JUMLAH	114	166	25	32	337	62	101	6	20	189

Sumber: Buletin Perangkaan Kebajikan 1994 dan 1995 (Perkhidmatan Luar)  
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Kuala Lumpur, 1995 &  
1996, hlm 30 dan 33.

Mengikut Jadual 6.16, penglibatan wanita India dalam aktiviti pelacuran tidaklah begitu serius. Ini adalah kerana cuma 25 wanita India sahaja yang dilatih menjadi pelacur bagi tahun 1994. Angka ini menurun menjadi 6 orang pada tahun 1995. Data yang diberikan ini adalah mereka yang telah ditangkap dan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Jumlah penglibatan sebenar penglibatan wanita-wanita India dalam aktiviti pelacuran tidak dapat diperoleh daripada pihak berkuasa. Oleh yang demikian,

data yang diberikan ini tidak dapat dijadikan sebagai data muktamad penglibatan wanita-wanita India dalam aktiviti pelacuran.

Kebanyakan mereka yang terlibat menjalankan aktiviti pelacuran ini sebagai kerja sambilan sahaja. *The unescorted girl in the modern cocktail lounge is as likely to be a virtuous young secretary as a 'hooker'.*<sup>36</sup> Tujuannya agar mereka tidak akan dikenalpasti sebagai pelacur. Ada di antara mereka yang menjadi "call girls" yang sanggup memberi perkhidmatan seks kepada golongan lelaki yang memerlukannya. Mereka ini meletakkan harga diri yang tinggi.<sup>37</sup>

Ada juga suri rumah yang dipaksa melacur oleh si suami. Pada kebiasaannya, si suami tidak akan bekerja dan tidak bertanggungjawab terhadap keluarga. Ini mengakibatkan si isteri terpaksa akur dengan kehendak suaminya untuk melacur diri untuk menanggung keluarganya.<sup>38</sup> Pada kebiasaannya si suami ini mungkin seorang pemabuk ataupun penagih dadah.

<sup>36</sup> Freeman, E. Howard, *op.cit.*, hlm 395.

<sup>37</sup> Temubual dengan Cik Indra, *op.cit.*

<sup>38</sup> Temubual dengan Puan Mala, di Brickfields pada 19 September 1997. Walaupun sudah berumah tangga dan mempunyai 4 orang anak yang bersekolah, tetapi suaminya (penagih dadah) sentiasa memukul untuk mendapatkan wang dan memaksanya melacur.

**JADUAL 6.17**  
**STATUS PERKAHWINAN DENGAN UMUR**

Umur Taraf Perkahwinan	Bawah Umur	16 – 20 Tahun	21 – 25 Tahun	26 – 30 Tahun	30 Tahun Ke atas
Belum Berkahwin	1	6	6	1	-
Bersuami	-	2	4	3	-
Suami Cerai/Meninggal Dunia	-	-	-	1	-
Suami banduan/Kaki botol	-	-	3	2	1
JUMLAH	1	8	13	7	1

**Sumber:** Saraswathy Veloo, "Pelacuran Di Kalangan Masyarakat India Di Malaysia : Satu Kajian Di Lembah Klang", Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996/97, hlm 41.

Jadual 6.17 menunjukkan penglibatan wanita India dalam aktiviti pelacuran. Peringkat umur 21 tahun – 25 tahun dianggap paling serius kerana lebih ramai yang terlibat dalam aktiviti ini. Mengikut Clinard Marshall, "... *youth and physical attractiveness are two of the most perquisites for gaining and holding customers and becoming successful prostitutes.*"<sup>39</sup> Jadi, peringkat pendewasaan wanita India dianggap tahap yang menarik mereka ke kancan pelacuran.

Ada juga gadis-gadis remaja dan belasan tahun melacur diri kerana dipaksa oleh majikannya. *Setakat ini belum ada bukti yang mendakwa orang-orang kelas atasan tidak menikmati dan "mengaut untung" dari kegiatan*

---

<sup>39</sup> Clinard Marshall, B., *Criminal Behavior Systems : A Typology*", Holt, Rinerhart and Winston, New York, 1973, hlm 37.

*seperti itu.*<sup>40</sup> Biasanya, gadis-gadis seperti ini meninggalkan rumah tanpa pengetahuan ahli keluarga untuk hidup bersama orang yang dicintainya. Tetapi, ada di antara mereka ini dipaksa melacur oleh orang yang disayanginya. Ada juga di antara mereka dijual kepada majikan-majikan yang menjalankan kerja pelacuran. Mereka ini dipaksa melacur untuk membayar hutang. Mereka yang terlibat dengan aktiviti seperti ini pada kebiasaan dicap sebagai “Pelacur Murahan” yang tiada harapan untuk hidup gembira.

Walaupun terdapat banyak sebab mengapa wanita-wanita India menjadi pelacur, namun begitu perbuatan mereka masih dianggap salah di sisi undang-undang.

#### 6.4 Alkoholisme

Tiada data spesifik penglibatan masyarakat India dalam masalah alkoholisme daripada mana-mana pihak. Jadi, perbincangan dalam bahagian ini hanya berdasarkan data sekunder dan maklumat temubual sahaja. Perbincangan ini tidak akan menyentuh sebab-sebab masyarakat India terjebak ke dalam masalah alkoholisme.

Masalah alkoholisme di kalangan masyarakat India bukanlah suatu masalah baru. Ini adalah kerana masalah ini telahpun berakar umbi sejak tenaga buruh India diimport dari negara India menjelang abad ke-20. Ramai di antara

<sup>40</sup> Khoo Kay Kim, Alias Mohamed, "Pelacuran Remaja", *Masalah Sosial Dan Politik Di Malaysia*, Gateway Publishing House Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1984, hlm 45.

buruh-buruh India sudahpun mengamalkan tabiat meminum alkohol sebelum dibawa masuk ke Malaysia. Walau bagaimanapun, ramai di antara masyarakat India yang mula belajar minum alkohol di negara ini apabila mereka mula di tempatkan di ladang-ladang getah.

Ada beberapa faktor yang membolehkan masyarakat ini terus mendapat alkohol. Pertamanya, pihak British sebelum merdeka menggalakkan masyarakat India meminum alkohol. Tujuan utamanya adalah untuk mengelakkan masyarakat India di ladang-ladang getah berhijrah ke tempat lain. Mengikut Kinch, “... *alcoholism is a form of drug addiction and like other forms, involves changes in the chemistry of the body that lead to physical dependence.*<sup>41</sup> Dengan ini mereka akan terus berada di ladang-ladang getah untuk mendapatkan alkohol.

Pihak British yang tahu akan kelemahan masyarakat India di ladang-ladang getah memperbodohkan kaum lelaki untuk meminum alkohol. Pelbagai alasan diberi agar mereka dapat meneruskan tabiat meminum alkohol. Keduanya, pihak British mendapat keuntungan hasil penjualan alkohol terutamanya “todi”. Dengan cara ini pekerja-pekerja India tidak kira sama ada lelaki ataupun perempuan akan ketagih arak. Mengikut Julian,

... *the problems created by the abuse of alcohol have been staggering : public drunkenness and disorderly behavior, traffic and industrial accidents, poor social functioning, broken marriages and exacerbation of poverty, mental and physical illness, crime and suicide.*<sup>42</sup>

---

<sup>41</sup> Kinch, W. John, (Ed.), *Social Problems In The World Today*, Addison – Wesley Publishing Company, London, 1974, hlm 71.

<sup>42</sup> Julian, Joseph, *op.cit.*, hlm 123.

Akibatnya keluarga terbiar. Ini menyebabkan kanak-kanak tidak dapat meneruskan pelajaran mereka. Akhirnya, kanak-kanak ini menjadi buruh di ladang. Mereka mengumpul wang bagi ibu bapa mereka meminum alkohol dan meneruskan perjalanan keluarga mereka. Dalam hal ini, kaum wanita India menghadapi dilema samada ingin terus hidup bersama lelaki mabuk atau membunuh diri untuk kebebasan selama-lamanya. Banyak wanita yang bunuh diri akibat tekanan yang diberikan oleh suami mereka yang ketagih arak. Walaupun tiada statistik mengenai situasi ini, namun maklumat dari orang-orang tua membuktikan masalah ini memang serius pada ketika itu.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, masalah alkoholisme masih berterusan di kalangan masyarakat India. Kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan serius untuk menghalang penjualan alkohol. Namun, kerajaan kerap kali mengingatkan rakyatnya akan bahaya meminum alkohol. Walaupun, Kerajaan melancarkan banyak kempen anti meminum alkohol, segala usaha ini tidak membawa hasil yang memuaskan.

Pada awalnya, pihak British mengaut keuntungan hasil penjualan alkohol. Kemudian, masyarakat Cina pula mengaut keuntungan besar kerana mereka ini merupakan penjual-penjual dan pengedar-pengedar alkohol yang terkenal. Terdapat banyak faktor yang mendorong seseorang itu meminum alkohol. Antaranya, masalah keluarga, pengaruh rakan, menunjukkan status, ingin mencuba dan sebagainya. Tetapi pada peringkat awal, masyarakat India yang

meminum alkohol memberi alasan bahawa mereka meminum alkohol untuk menghilangkan rasa penat akibat bekerja keras.<sup>43</sup>

Walaupun alasan-alasan ini tidak dapat diterima umum, namun alasan seperti ini telahpun lama berakar umbi di jiwa peminum alkohol. Mengikut Freeman, "*Even in relatively small quantities, alcohol affects the behavior of most persons.*"<sup>44</sup> Mereka ini selalu sahaja mencari alasan untuk meneruskan tabiat meminum alkohol.

Tahun-tahun 1970an dan 1980an memperlihat masyarakat India terlibat dengan tabiat meminum alkohol. Tidak ada mana-mana pihak pun yang merancang untuk menghalang masyarakat India dari terus terjerumus ke dalam tabiat alkoholisme. Mengikut Freeman lagi, "*For a growing number of individuals, the use of alcohol may be regarded as a disease.*"<sup>45</sup> Memandangkan masalah ini sudah mencapai tahap serius menjelang tahun 1990an, Kerajaan telah mula mengharam penjualan samsu haram yang banyak meragut dan menghancurkan keluarga si peminum. Tindakan ini walaupun diambil untuk menunjukkan rasa belas kasihan terhadap masyarakat India, namun tindakan ini tidak dilakukan secara serius.

---

<sup>43</sup> Untuk maklumat lanjut tujuan seseorang meminum alkohol, rujuk Kinch, W. John. (Ed.), *op.cit.*, hlm 69-80.

<sup>44</sup> Freeman, E. Howard, *op.cit.*, hlm 506.

<sup>45</sup> *Ibid.*, hlm 506.

Cuma pada peringkat awal sahaja Kerajaan bertindak tegas terhadap penjual samsu haram yang rata-rata terdiri daripada orang Cina. Penjualan todi tidak menghadapi sebarang masalah kecuali Kerajaan Negeri memberhentikan operasi penjualan todi di beberapa tempat. Penjualan todi ini membawa cukai pendapatan kepada Kerajaan Negeri yang rata-rata ditinggalkan oleh pihak British.

Selepas Kerajaan mengambil tindakan melarang penjualan samsu haram murah, pengedar dan penjual mula menjual dalam bentuk botol. Tindakan ini tidak berjaya dihalang oleh Kerajaan. Kerajaan hanya memastikan samsu haram tidak dijual secara terbuka ataupun dalam bentuk beg plastik. Ini adalah untuk menghalang masyarakat India dari terus meminum samsu haram murah yang dijual.

Dalam pada itu, masyarakat India yang sudah terjebak ke dalam alkohol masih meneruskan aktiviti meminum samsu haram yang diharamkan. Mereka ini tidak mempunyai wang yang secukupnya untuk membeli alkohol yang mahal. Mengikut salah seorang pemminum:

*Kami meminum alkohol murah kerana kami tiada wang. Jika tidak, kami juga akan meminum alkohol yang mahal juga.<sup>46</sup>*

Orang miskin yang meminum samsu haram murahan selalu mempertahan pendapatnya. “...once the drinker starts, he seems impelled to continue drinking until he has reached total intoxication.”<sup>47</sup> Mereka tidak

---

<sup>46</sup> Temubual dengan Dharina (nama panggilan) di Tanjung Rambutan, Perak, 1996.

<sup>47</sup> Freeman, E. Howard, *op.cit.*, hlm 507.

mahu membenarkan orang lain (terutama yang kaya) memberi komen terhadap apa yang diminumnya.

Mengikut Laporan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP):

*Masyarakat India meluangkan RM350,000 sehari untuk meminum minuman keras.<sup>48</sup>*

Sekiranya wang tersebut dilabur, sudah tentu penguasaan ekonomi masyarakat India akan meningkat dengan drastik. Pada kebiasaannya, seseorang yang meminum alkohol akan lupa tanggungjawabnya terhadap keluarga.<sup>49</sup> Walaupun ada pihak yang boleh menyangkal pendapat ini, namun bukti-bukti nyata dapat dilihat dengan jelas. Si peminum yang terdiri daripada golongan pertengahan dan kaya sentiasa mempertahankan pendapat terhadap alkohol. Bagi mereka, seseorang yang suka meminum alkohol harus tahu hadnya. “... *alcoholic population are not found staggering down dingy streets or huddled in dark doorways, but leading responsible lives in respectable communities.*”<sup>50</sup> Biasanya mereka ini akan meminum alkohol yang mahal yang dikatakan ada standard. Golongan ini jarang menasihat masyarakat India agar jangan meminum alkohol murahan yang boleh merosakkan kesihatan badan. Bapa yang selalu meminta anaknya membelikan minuman keras akan menyebabkan kanak-kanak itu terjebak dengan alkohol apabila dewasa kelak.

---

<sup>48</sup> Malaysia Nanban, 26 Ogos 1996, hlm 1.

<sup>49</sup> Kajian luar yang dilakukan oleh Pengkaji di Sungai Petani, Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Johor pada 1997 mendapati India yang sudah ketagih dengan alkohol telah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap keluarga. Bagi mereka ini, kepuasan diri dengan meminum alkohol dapat memberikan segala kebahagiaan yang diperlukannya.

<sup>50</sup> Kinch, W. John, (Ed.), *op.cit.*, hlm 70.

Perkara yang paling memalukan ialah ada di antara kaum wanita India meminum alkohol.<sup>51</sup> Walaupun agama Hindu dan kebudayaan orang-orang India melarang masyarakat India meminum alkohol, namun begitu kaum wanita India juga telah melepassi had-had tersebut. Bukti terhadap dakwaan ini dapat dilihat dengan mata sendiri sekiranya ke kelab-kelab malam ataupun ke hotel, boleh melihat wanita India meminum alkohol. Ada di antara mereka yang sudah berkahwin dan ada yang mempunyai keluarga.<sup>52</sup>

Di samping itu, orang yang meminum alkohol tidak dapat membantu keluarganya samada dari segi kasih sayang ataupun kekayaan. Mungkin seseorang yang kaya dapat memberikan kekayaan. Kebanyakan ibu bapa yang meminum alkohol tidak dapat memberi pendidikan yang secukupnya untuk anak-anak mereka. Ini menyebabkan kanak-kanak ini mula berkelakuan liar ataupun di luar batasan yang boleh mengakibatkan masalah sosial.<sup>53</sup>

Oleh yang demikian, masyarakat India harus tahu kebaikan dan keburukan meminum alkohol. Walaupun Kerajaan tidak dapat mengharamkan penjualan alkohol samada yang mendapat kebenaran ataupun tidak, tetapi masyarakat India sendiri yang patut menentukannya. Walaupun seseorang yang meminum alkohol mempunyai banyak alasan, tetapi dia tidak harus lupa akan

<sup>51</sup> Makal Osai, September 1998, hlm 1-2.

<sup>52</sup> Pengamatan Pengkaji di Brickfields, Kuala Lumpur, 1998.

<sup>53</sup> Julian, Joseph, *op.cit.*, hlm 129.

akibat meminum alkohol ini. Jadi, selagi alkohol diberi kebenaran untuk diniagakan, selagi itulah masyarakat India akan terus meminumnya.

### **6.5 Penglibatan Remaja India Dalam Kes Jenayah**

Dalam bahagian ini, perbincangan tidak akan menyentuh sebab-sebab remaja India terlibat dalam kes-kes jenayah tetapi meliputi penglibatan remaja sahaja.

Kenakalan pelajar-pelajar India di sekolah adalah disebabkan oleh kurangnya pemerhatian dan tanggungjawab ibu bapa. Tahun 1950an dan 1960an memperlihat kenakalan pelajar tidaklah serius sehingga menggunakan benda-benda tajam untuk menyerang.

Kemajuan pembangunan telah banyak mengubah pemikiran, tingkah laku, dan sifat para pelajar. Perkembangan media massa terutamanya media elektronik telah banyak menyalur unsur-unsur negatif. Akibatnya, remaja terpengaruh dengan adegan-adegan negatif ini sehinggakan mereka terjebak ke dalam kes-kes jenayah. Keganasan yang bermula dari rumah berkembang ke luar. Filem-filem Tamil dan Inggeris yang mengandungi unsur-unsur ganas dan negatif seringkali mempengaruhi golongan remaja. Lama-kelamaan, remaja-remaja ini akan terikut-ikut dengan adegan-adegan ini. Ini secara tidak langsung mengheret remaja India ke kancah jenayah.

Tekanan daripada ibu bapa seringkali menyebabkan remaja India terjerumus dalam aktiviti anti-sosial. Ini termasuk kawalan ketat yang dikenakan terhadap remaja ini. Manakala, golongan bawahan kebanyakannya kurang berpendidikan ataupun tidak berpendidikan. Adakalanya mereka ini memukul dan menyiksa anak-anak dan isteri mereka. Ini menyebabkan anak-anak ini mencari kebebasan ketika berada di sekolah. Maka, pelajar-pelajar ini seringkali menjadi pelajar bermasalah di sekolah.

Menteri Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat Dato' Paduka Zaleha Ismail memberitahu bahawa: *Masalah sosial di kalangan remaja dan kanak-kanak adalah disebabkan oleh masalah keluarga*.<sup>54</sup>

Jadi, peranan ahli keluarga dan guru-guru sangat penting dalam membentuk keperibadian seseorang remaja. Jika tidak, pelajar-pelajar India yang bermasalah ini akan melakukan jenayah yang lebih besar seperti memukul pelajar lain, merosakkan harta benda sekolah, mencuri dan lain-lain lagi.

*Remaja di sekolah-sekolah banyak terlibat dengan menagih dadah, ataupun menghidu gam. Pihak Kerajaan, RTM, Jabatan Penerangan dan persatuan-persatuan sukarela kini banyak memberi tumpuan dan mendedahkan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan anak mereka.*<sup>55</sup>

Walaupun masyarakat India adalah masyarakat minoriti tetapi penglibatan mereka dalam kes jenayah adalah sangat tinggi. Ini adalah kerana jumlah masyarakat India di Malaysia cuma 10 peratus sahaja. Daripada jumlah

---

<sup>54</sup> Malaysia Nanban, 25 Februari 1996, hlm 14.

<sup>55</sup> Malaysia Nanban, 24 April 1997, hlm 12.

ini 12 peratus generasi muda telah terjebak ke dalam najis dadah. Mengikut Laporan CAP (Persatuan Pengguna Pulau Pinang) generasi muda kaum India terlibat dengan jenayah dan masalah sosial disebabkan oleh pengaruh filem-filem Tamil. Adegan-adegan ganas mempengaruhi mereka. Mengikut Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor, ibu bapa masyarakat India harus memainkan peranan penting dalam usaha membendung masalah sosial terutamanya jenayah.

Selain itu, ibu bapa juga harus memeriksa beg-beg sekolah untuk mengelak anak-anak mereka bergaul dengan pengedar-pengedar najis dadah. Manakala, Menteri Pendidikan YB Dato' Seri Najib Tun Razak meminta agar ibu bapa dapat mengawal tingkah laku anak-anak mereka agar tidak terlibat dengan gejala sosial. Masyarakat India tidak seharusnya merahsiakan sebarang salah laku oleh pelajar-pelajar sekolah. Tambahan pula, mengikut Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anuar Ibrahim, ibu bapa harus dipanggil untuk berbicara sekiranya anak-anak mereka terlibat dalam masalah sosial.

#### **6.5.1 Analisa Penglibatan Remaja India Dalam Kes-Kes Jenayah**

Mengikut statistik yang diberi oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, (Lihat Jadual 6.18 dan Jadual 6.19) bagi tahun 1990, jumlah kes jenayah juvana yang melibatkan remaja India ialah 360 kes iaitu 20.7 peratus daripada jumlah keseluruhannya. Pulau Pinang mencatat 63 kes (28.5%) daripada jumlah kes jenayah juvana di negeri tersebut. Selangor mencatat 61 kes, Kuala Lumpur 59 kes, Perak 50 kes, Negeri Sembilan 38 kes. Jumlah kes jenayah juvana di lima buah negeri ini sahaja menjadi 15.6 peratus daripada 1,736 kes keseluruhannya.

JADUAL 6.18

39. acapan, kegunaan Parti Politik dan Sesilapa yang melanggar syarat

Hibah Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis, Kuala Lumpur, 1997.

### SUBBER:

Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Iini boleh diambil tindakan undang-undang.

ମେଲାଯା ହା-ହା । କିମ୍ବା ପାଦ ପାଦ । ଗମନି ହାତ ।

Yahya Samsudin, Yusof Ishak, Bojalil, Amran, Kuala Lumpur, 1997

**SUMBER:** Jabatan Silibatian Jenayah, Ibu Pejabat Polis, Lantai 1, Petaling Jaya.  
**AMARAN:** Tidak dibenarkan mentik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, K.L. Sesiapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.

Pulau Pinang mencatat 28.5% daripada 221 kes, Selangor 37.7% daripada 171 kes, Kuala Lumpur 24.9% daripada 237 kes, Perak 25.1% daripada 199 kes, Negeri Sembilan 59.4% daripada 64 kes, dan Pahang 38.6% daripada 88 kes.

Pada tahun 1991, jumlah kes jenayah juvana yang melibatkan remaja India ialah 252 kes termasuk 3 kes yang melibatkan remaja India perempuan ataupun 19.1% daripada 1,320 kes keseluruhannya. Walaupun kes jenayah juvana ini berkurangan tetapi negeri Perak sahaja mencatat 69 kes (39.0%) daripada 177 kes di negeri itu. Ini diikuti oleh Kedah dengan 63 kes (30.9%) daripada 204 kes. Kebanyakan jenayah juvana ini dilakukan oleh remaja yang berumur antara 16-18 tahun.

Mengikut Jadual 6.20 bagi tahun 1992, jumlah kes jenayah juvana yang melibatkan remaja India ini ialah 388 kes (19.8%) termasuk 6 kes yang melibatkan remaja India perempuan daripada 1957 kes keseluruhannya. Peningkatan remaja perempuan India terlibat dalam jenayah sudah mula membimbangkan masyarakat India.

Negeri Selangor mencatat kes jenayah juvana India yang tertinggi dengan 83 kes (39.3%) termasuk 2 kes yang melibatkan remaja perempuan India daripada 211 kes. Ini diikuti dengan Negeri Sembilan dengan 56 kes (46.7%) daripada 120 kes, Kedah 50 kes (30.1%) daripada 166 kes, Kuala Lumpur 20.8% daripada 216 kes, Johor 18.0% daripada 261 kes, Pulau Pinang 31.5% daripada

NAMA JENAZAH	JENIS JENAZAH	JENIS JENAZAH	JUJU-JUJU RESULAH											
			10-12	12-15	15-18	18-21	21-24	24-27	27-30	30-33	33-36	36-39	39-42	42-45
ABDULLAH	111	111	302	307	304	305	301	306	307	309	310	311	312	313
ABDUL	111	111	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
ABDUL	312	311	313	312	312	312	312	312	312	312	312	312	312	312
ABDUL	313	312	313	312	312	312	312	312	312	312	312	312	312	312
ABDUL	314	313	314	313	313	313	313	313	313	313	313	313	313	313
ABDUL	315	314	315	314	314	314	314	314	314	314	314	314	314	314
ABDUL	316	315	316	315	315	315	315	315	315	315	315	315	315	315
ABDUL	317	316	317	316	316	316	316	316	316	316	316	316	316	316
ABDUL	318	317	318	317	317	317	317	317	317	317	317	317	317	317
ABDUL	319	318	319	318	318	318	318	318	318	318	318	318	318	318
ABDUL	320	319	320	319	319	319	319	319	319	319	319	319	319	319
ABDUL	321	320	321	320	320	320	320	320	320	320	320	320	320	320
ABDUL	322	321	322	321	321	321	321	321	321	321	321	321	321	321
ABDUL	323	322	323	322	322	322	322	322	322	322	322	322	322	322
ABDUL	324	323	324	323	323	323	323	323	323	323	323	323	323	323
ABDUL	325	324	325	324	324	324	324	324	324	324	324	324	324	324
ABDUL	326	325	326	325	325	325	325	325	325	325	325	325	325	325
ABDUL	327	326	327	326	326	326	326	326	326	326	326	326	326	326
ABDUL	328	327	328	327	327	327	327	327	327	327	327	327	327	327
ABDUL	329	328	329	328	328	328	328	328	328	328	328	328	328	328
ABDUL	330	329	330	329	329	329	329	329	329	329	329	329	329	329
ABDUL	331	330	331	330	330	330	330	330	330	330	330	330	330	330
ABDUL	332	331	332	331	331	331	331	331	331	331	331	331	331	331
ABDUL	333	332	333	332	332	332	332	332	332	332	332	332	332	332
ABDUL	334	333	334	333	333	333	333	333	333	333	333	333	333	333
ABDUL	335	334	335	334	334	334	334	334	334	334	334	334	334	334
ABDUL	336	335	336	335	335	335	335	335	335	335	335	335	335	335
ABDUL	337	336	337	336	336	336	336	336	336	336	336	336	336	336
ABDUL	338	337	338	337	337	337	337	337	337	337	337	337	337	337
ABDUL	339	338	339	338	338	338	338	338	338	338	338	338	338	338
ABDUL	340	339	340	339	339	339	339	339	339	339	339	339	339	339
ABDUL	341	340	341	340	340	340	340	340	340	340	340	340	340	340
ABDUL	342	341	342	341	341	341	341	341	341	341	341	341	341	341
ABDUL	343	342	343	342	342	342	342	342	342	342	342	342	342	342
ABDUL	344	343	344	343	343	343	343	343	343	343	343	343	343	343
ABDUL	345	344	345	344	344	344	344	344	344	344	344	344	344	344
ABDUL	346	345	346	345	345	345	345	345	345	345	345	345	345	345
ABDUL	347	346	347	346	346	346	346	346	346	346	346	346	346	346
ABDUL	348	347	348	347	347	347	347	347	347	347	347	347	347	347
ABDUL	349	348	349	348	348	348	348	348	348	348	348	348	348	348
ABDUL	350	349	350	349	349	349	349	349	349	349	349	349	349	349
ABDUL	351	350	351	350	350	350	350	350	350	350	350	350	350	350
ABDUL	352	351	352	351	351	351	351	351	351	351	351	351	351	351
ABDUL	353	352	353	352	352	352	352	352	352	352	352	352	352	352
ABDUL	354	353	354	353	353	353	353	353	353	353	353	353	353	353
ABDUL	355	354	355	354	354	354	354	354	354	354	354	354	354	354
ABDUL	356	355	356	355	355	355	355	355	355	355	355	355	355	355
ABDUL	357	356	357	356	356	356	356	356	356	356	356	356	356	356
ABDUL	358	357	358	357	357	357	357	357	357	357	357	357	357	357
ABDUL	359	358	359	358	358	358	358	358	358	358	358	358	358	358
ABDUL	360	359	360	359	359	359	359	359	359	359	359	359	359	359
ABDUL	361	360	361	360	360	360	360	360	360	360	360	360	360	360
ABDUL	362	361	362	361	361	361	361	361	361	361	361	361	361	361
ABDUL	363	362	363	362	362	362	362	362	362	362	362	362	362	362
ABDUL	364	363	364	363	363	363	363	363	363	363	363	363	363	363
ABDUL	365	364	365	364	364	364	364	364	364	364	364	364	364	364
ABDUL	366	365	366	365	365	365	365	365	365	365	365	365	365	365
ABDUL	367	366	367	366	366	366	366	366	366	366	366	366	366	366
ABDUL	368	367	368	367	367	367	367	367	367	367	367	367	367	367
ABDUL	369	368	369	368	368	368	368	368	368	368	368	368	368	368
ABDUL	370	369	370	369	369	369	369	369	369	369	369	369	369	369
ABDUL	371	370	371	370	370	370	370	370	370	370	370	370	370	370
ABDUL	372	371	372	371	371	371	371	371	371	371	371	371	371	371
ABDUL	373	372	373	372	372	372	372	372	372	372	372	372	372	372
ABDUL	374	373	374	373	373	373	373	373	373	373	373	373	373	373
ABDUL	375	374	375	374	374	374	374	374	374	374	374	374	374	374
ABDUL	376	375	376	375	375	375	375	375	375	375	375	375	375	375
ABDUL	377	376	377	376	376	376	376	376	376	376	376	376	376	376
ABDUL	378	377	378	377	377	377	377	377	377	377	377	377	377	377
ABDUL	379	378	379	378	378	378	378	378	378	378	378	378	378	378
ABDUL	380	379	380	379	379	379	379	379	379	379	379	379	379	379
ABDUL	381	380	381	380	380	380	380	380	380	380	380	380	380	380
ABDUL	382	381	382	381	381	381	381	381	381	381	381	381	381	381
ABDUL	383	382	383	382	382	382	382	382	382	382	382	382	382	382
ABDUL	384	383	384	383	383	383	383	383	383	383	383	383	383	383
ABDUL	385	384	385	384	384	384	384	384	384	384	384	384	384	384
ABDUL	386	385	386	385	385	385	385	385	385	385	385	385	385	385
ABDUL	387	386	387	386	386	386	386	386	386	386	386	386	386	386
ABDUL	388	387	388	387	387	387	387	387	387	387	387	387	387	387
ABDUL	389	388	389	388	388	388	388	388	388	388	388	388	388	388
ABDUL	390	389	390	389	389	389	389	389	389	389	389	389	389	389
ABDUL	391	390	391	390	390	390	390	390	390	390	390	390	390	390
ABDUL	392	391	392	391	391	391	391	391	391	391	391	391	391	391
ABDUL	393	392	393	392	392	3								

217 kes. Ini menunjukkan enam buah negeri di atas tadi menyumbang purata 14.4% daripada jumlah keseluruhannya.

Mengikut Jadual 6.21 bagi tahun 1993, 458 kes termasuk 12 kes remaja India perempuan daripada 2,315 kes dicatatkan. Ia mencatat 19.8% keseluruhannya. Negeri Selangor mencatat 148 kes (48.5%) termasuk 6 kes remaja India perempuan daripada 305 kes. Ini diikuti pula oleh Negeri Sembilan dengan 61 kes (49.6%) daripada 123 kes, Kuala Lumpur 57 kes (34.3%) daripada 166 kes, Johor 17.3% daripada 266 kes, Pulau Pinang 26.0% daripada 173 kes, dan negeri-negeri lain. Cuma Sarawak sahaja tidak mencatat sebarang kes jenayah yang melibatkan remaja India.

Mengikut Jadual 6.22 pada tahun 1994 memperlihat 431 kes (20.7%) jenayah juvana remaja India termasuk 10 kes yang melibatkan remaja perempuan India daripada 1,084 kes keseluruhannya.

Negeri Selangor masih mendahului negeri-negeri lain dengan catatan 124 kes (42.9%) termasuk 3 kes remaja perempuan India daripada 289 kes. Ini diikuti oleh Kedah dengan 66 kes (29.7%) daripada 222 kes, Negeri Sembilan 46.2% daripada 117 kes, Pulau Pinang 33.3% daripada 138 kes, dan negeri-negeri lain. Pada tahun ini, negeri Sarawak, Perlis, Kelantan dan Terengganu tidak mencatat sebarang kes jenayah juvana yang melibatkan remaja India.

		WAKTU		BAGAI / ZONE		JENAMA		SEJARAH MARTA BESAR		LAUT-LAUT INDONESIA	
WAKTU	WAKTU	WAKTU	WAKTU	C/ZONE	ZONE	L/MARTA	S/SEJARAH	MARTA	S/SEJARAH	MARTA	S/SEJARAH
10011000	1000	1000	1000	1000-12	12-13	1000-13	1000	1000	1000	1000	1000
10000000	10000	10000	10000	10000	10000	10000	10000	10000	10000	10000	10000
PULUS	42	56	2	22	32	34	3	14	1	2	1
HEM	251	567	39	182	257	348	5	87	9	27	3
PERALATAN	171	26	9	58	101	113	0	96	0	65	4
PERALATAN	36	129	5	43	12	69	1	46	0	29	1
TOPIKA	166	241	29	59	163	95	6	70	2	55	2
SEARCH	365	444	17	157	274	225	1	61	0	102	6
PERALATAN	123	195	25	77	93	93	2	39	0	59	2
HEM	111	265	12	84	199	189	9	81	2	15	9
PERALATAN	266	397	13	95	221	226	3	99	1	44	2
PERALATAN	392	341	6	92	129	1	16	0	23	0	1
PERALATAN	87	135	15	79	79	79	5	79	0	79	5
HEM	122	266	20	95	151	151	10	12	0	9	4
PERALATAN	361	21	7	97	134	134	4	31	0	86	2
JUMLAH	233	360	20	114	218	218	9	121	4	146	12

Jabatan Siagatan Jenayah, Tbu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997.

Sumber: Jabatan Siagatan Jenayah, Tbu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997.  
 AMARAN: Tidak dibenarkan mentrik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan  
 lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Tbu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sesiaapa yang  
 melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.

JADUAL 6.22

MELISSA / MELISSA

THE STATE OF THE NATION

**Sumber:** JABATAN SLASATAN JENAYAH, Ibu Pejabat SUMARAN Tidak dibenarkan memelik sebarang sajinah lain-lain tanpa kebenaran dari Ibu Pejabat. boleh diambil tindakan undang-undang.

**Sumber:** Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur, 1997  
**AMARAN** Tidak dibenarkan memerlukan sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan lain-lain tanda kebenaran dari Ibu Pejabat Polis. **Bukit Aman, K.L.** Sesaria

Mengikut Jadual 6.23 pada tahun 1995 amat membimbangkan masyarakat India dengan 507 kes (19.7%) jenayah juvana dicatat termasuk 11 kes yang melibatkan remaja perempuan India daripada 2,573 kes keseluruhannya.

Negeri Selangor masih mencatat jumlah kes tertinggi, iaitu 132 kes (38.3%) daripada 345 kes. Ini diikuti oleh negeri Pulau Pinang dengan 61 kes (48.4%) daripada 126 kes, Negeri Sembilan 45.7% daripada 129 kes, Johor 12.5% daripada 441 kes, Perak 32.5% daripada 160 kes dan negeri-negeri lain.

Pada tahun ini, cuma negeri Perlis dan Terengganu sahaja yang tidak mencatat sebarang kes jenayah yang melibatkan remaja India.

Mengikut Jadual 6.24 pada tahun 1996, sebanyak 573 kes (20.3%) termasuk 3 kes yang melibatkan remaja perempuan India dicatatkan daripada 1,820 kes keseluruhannya. Negeri Selangor masih terus mendahului dengan 136 kes (37.0%) daripada 368 kes. Ini diikuti oleh negeri Johor 72 kes (15.2%) daripada 473 kes, Kedah 19.4% daripada 325 kes, Negeri Sembilan 38.0 daripada 158 kes, Sabah 59 kes (21.9%) daripada 270 kes, dan Pulau Pinang 33.3% daripada 159 kes dan negeri-negeri lain. Cuma negeri Perlis dan Terengganu sahaja yang tidak mencatat sebarang kes yang melibatkan remaja India.

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa remaja dalam lingkungan umur 16-18 tahun banyak terlibat dengan kes-kes jenayah juvana ini. Tetapi, mulai tahun 1992, remaja yang berumur antara 13-15 juga turut menunjukkan

ЖУРНАЛЫ

**Sumber:** Jabatan Siاسatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis, Bulit Aman, Kuala Lumpur, 1971.  
**AMARAN:** Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain tanpa kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis, Bulit Aman, K.L. Sesiaapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.

JADUAL 6.24

NAMA	JENIS / JUMLAH	JENIS-JENIS PENGETAHUAN TAK DILAKUKAN											
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
POLIS	24 44 1 10 33 42 0 0 0 0 0 0 0 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
PEMAM	14 321 02 232 317 423 11 91 0 63 0 3 0 1 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
POLIS	159 259 9 74 125 122 0 31 0 53 0 1 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
PEMAM	169 167 4 59 113 105 2 11 0 49 0 0 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
POLIS	112 159 3 23 124 12 1 34 3 22 1 0 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
STAMAN	36 544 29 16 361 313 1 87 1 136 2 0 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
MUSIMAN	129 229 16 16 129 122 11 65 1 60 0 0 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
MELAKA	218 443 12 153 222 251 1 157 0 34 0 0 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
POLIS	473 239 25 163 531 932 0 157 0 72 0 10 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
POLIS	169 264 6 122 134 165 3 52 1 20 0 3 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
POLIS	36 365 24 146 163 259 1 1 0 1 0 0 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
SARAWAK	216 361 3 74 264 12 0 10 0 39 0 271 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
SARAWAK	125 279 2 51 154 73 5 39 1 4 0 67 0	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1
JUMLAH	260 661 113 362 295 720 59 713 7 31 5 364 1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1	1

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis, Bulit Aman, Kuala Lumpur, 1997.

AMARAN: Tidak dibenarkan memetik sebarang statistik untuk kegunaan media massa, ucapan, kegunaan Parti Politik dan lain-lain kebenaran bertulis dari Ibu Pejabat Polis, Bulit Aman, K.L. Sesiaapa yang melanggar syarat ini boleh diambil tindakan undang-undang.

peningkatan dalam kes-kes jenayah juvana ini. Mengikut Ketua Polis Daerah Johor Bahru ACP Thinagaran,

*... meluahkan rasa kesal terhadap remaja India kerana banyak terbabit dengan jenayah. Ini adalah kerana masyarakat India merupakan kumpulan minoriti tetapi salah laku di kalangan mereka terlalu tinggi berbanding dengan kaum-kaum lain.<sup>56</sup>*

Dalam tempoh tujuh tahun (1990-1996) yang dibincangkan tadi, negeri Selangor paling banyak mencatat kes-kes jenayah juvana yang melibatkan remaja India. Ini adalah disebabkan oleh pembangunan drastik di negeri tersebut. Banyak ladang dijual dan diusahakan menjadi kawasan perindustrian. Ini mengakibatkan masyarakat India terpaksa berpindah ke tempat-tempat lain. Pada kebiasaananya, mereka menempatkan diri di kawasan setinggan yang serba kekurangan.

Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Johor yang turut mengalami pembangunan menyediakan banyak peluang pekerjaan. Akibatnya, kedua-dua ibu bapa terpaksa bekerja untuk meningkatkan taraf hidup keluarga. Ini mengakibatkan anak-anak mereka bersendirian di rumah.

---

<sup>56</sup> Tamil Nesan, 1 September 1996, hlm 22.

**6.6 Faktor-faktor yang menjadi perintis kepada masyarakat India melibatkan diri ke dalam kancah jenayah\***

**(a) Pendidikan**

Jenis pendidikan yang diterima akan membentuk akhlak seseorang kanak-kanak. Jadi, pada peringkat awal, pendidikan Tamil tidak mewujudkan mobiliti sosial. Sekolah-sekolah Tamil yang rata-rata terletak di kawasan perladangan tidak banyak memberi pendedahan kepada perkembangan mental kanak-kanak India yang belajar di situ.

Namun demikian, kanak-kanak ini tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti negatif yang serius. Pada kebiasaan mereka akan berkumpul dan mencuri buah-buahan. Walaupun perbuatan mereka ini bertentangan dengan undang-undang, namun begitu kanak-kanak beranggapan sebaliknya.

Pada kebiasaan mereka, pendidikan Sekolah Tamil memberi peluang kepada kanak-kanak ini untuk berkumpul dan berkenal-kenalan antara satu sama lain. Selepas tamat persekolahan, mereka berkumpul untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah seperti meronda, mencuri buah-buahan, bergaduh dan lain-lain lagi. Ini adalah kerana mereka tidak banyak mendapat pendedahan terhadap perkembangan negara dan bangsa lain.

---

\* Encik Venugopal, selaku Pegawai Perhubungan Awam, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, "Masalah Gangsterisme di Kalangan Masyarakat India", data yang tidak diterbitkan, Kuala Lumpur, 1997; maklumat daripada kajian luar pengkaji; maklumat daripada orang-orang yang ditemubual. Rata-rata kesemua mereka yang ditemubual memberikan faktor-faktor yang sama yang merintis masyarakat India terlibat dalam kancah jenayah.

Tetapi, trend ini mula berubah apabila perbuatan salah laku ini juga menular ke sekolah-sekolah kebangsaan selepas tahun 1985. Ini adalah kerana masyarakat India telah mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kebangsaan. Akibatnya, kanak-kanak India ini ada yang menjadi masalah disiplin kepada pihak sekolah. Sebab utamanya kerana tidak mendapat perhatian serius daripada ibu bapa yang sibuk dengan hal lain.

Ibu bapa golongan bawahan yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil dan sekolah kebangsaan tidak memberi perhatian yang serius dalam tingkahlaku anak-anak mereka. Inilah yang menjadi punca utama kanak-kanak ini terlibat dalam kegiatan jenayah seperti pergaduhan. Pelajar-pelajar ini akan berkumpul selepas sidang persekolahan. Mereka akan mengusik orang lain apabila duduk dalam kelompok. Akhirnya, mereka terlibat dalam pembentukan kumpulan gangster ataupun terlibat dalam aktiviti negatif yang lain.

Asas kepada aktiviti ini ialah kekurangan pendidikan terutamanya mereka yang berpendidikan Tamil. Ini adalah kerana sekolah Tamil menyediakan peluang kepada kanak-kanak India ini yang datang dari latar belakang yang berbeza untuk berkenalan dan membentuk kelompok. Kelompok-kelompok ini akan berlanjutan ke sekolah menengah dan selepas tamat persekolahan.

#### **(b) Pembangunan Ekonomi**

Masyarakat India di luar bandar mula menjadi masyarakat setinggan apabila negara mengorak langkah dalam era pembangunan mulai tahun

1980an. Ini sekaligus mendedahkan remaja-remaja India ini berhadapan dengan suatu suasana yang genting. Tahun-tahun sebelum 1980, boleh dikatakan sebagai tahun-tahun yang tidak banyak mencabar ikatan kekeluargaan masyarakat India. Walaupun pergerakan kumpulan gangster dan pergaduhan masih berlarutan tetapi kejadian itu tidaklah serius seperti sekarang.

Sebelum tahun 1980, remaja-remaja India mempunyai banyak masa untuk diluangkan dalam aktiviti-aktiviti rekreasi. Contohnya, mereka akan bermain bola sepak, sepak raga, badminton, memancing dan sebagainya. Pada ketika ini, mereka belum banyak terdedah kepada pembangunan negara yang kian mula rancak. Jadi, jarang sekali mereka ini terlibat dengan aktiviti-aktiviti jenayah kerana mereka menjadi “pengawal percuma” di ladang tersebut.<sup>57</sup>

Remaja India lebih banyak meluangkan masa bersama rakan dan ahli keluarga. Mereka tidak terasa perkembangan pembangunan menghimpit kehidupannya. Tetapi, apabila ladang-ladang getah mula dijual, ramai golongan India mula hijrah ke kawasan bandar. Mereka menempatkan diri di kawasan setinggan. Mengikut MIC,

*MIC mula risau kerana kebanyakan masyarakat India ketinggalan dalam usaha menguasai ekonomi negara. Jadi, masyarakat India memerlukan jasa baik kerajaan agar pembahagian saham turut diperuntuk untuk mereka.<sup>58</sup>*

---

<sup>57</sup> Pengawal percuma – sekumpulan remaja India yang menjaga masyarakat India di ladang daripada diganggu oleh orang lain ataupun dari estet lain.

<sup>58</sup> Tamil Nesan, 5 Ogos 1996, hlm 3.

Sistem kuota yang diamalkan oleh kerajaan menggagalkan masyarakat India membeli saham. Kebanyakan masyarakat India yang tinggal di luar bandar tidak berkemampuan membeli saham terbuka di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Lagipun majikan baru tidak bersedia untuk mendirikan rumah untuk golongan pekerja ini. Adakalanya notis diberi agar masyarakat India meninggalkan sesuatu kawasan dalam masa yang singkat. Pembangunan sebegini telah mengorak kehidupan baru dalam jiwa masyarakat India.

Mereka berhijrah ke bandar untuk mengadu nasib untung. Jadi, untuk mengawal perbelanjaan, biasanya masyarakat India akan menempatkan diri di kawasan pinggir bandar. Keadaan yang tidak teratur dan sesak menyediakan peluang terbaik untuk remaja India mengenali antara satu sama lain.

*Masyarakat India hijrah ke bandar kerana ladang-ladang diambil untuk dibangunkan. Ini mengakibatkan masyarakat India terlibat dalam banyak masalah sosial kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana baru.<sup>59</sup>*

Ini adalah kerana mereka telah kehilangan tempat rekreasi. Akibatnya, remaja India ini akan berkumpul di suatu kawasan untuk bersama. Keadaan ini secara tidak langsung membuka peluang kepada mereka ini untuk bertindak sesuka hati kerana tiada siapa akan menghalangnya. Mereka akan mula mengusik dan mengganggu orang lain. Sekiranya ada orang yang datang untuk menasihatinya, maka mereka ini akan menyerangnya ataupun memakinya menggunakan kata-kata kesat.

---

<sup>59</sup> Malaysia Nanban, 11 Mei 1997, hlm 12.

Sikap seperti ini menonjolkan diri mereka sebagai hero yang disegani di kawasan tersebut. Walaupun terdapat banyak cara lain untuk mengumpul kekayaan, namun begitu mereka sudah tidak kisah tentangnya. Mereka sebenarnya lupa mengapa mereka hijrah ke kawasan perbandaran ataupun ke bandar. Keadaan sekeliling yang tidak sesuai ini menyediakan peluang untuk melakukan jenayah kerana tiada pihak yang akan berani melapor kepada pihak polis. Jika ada pihak berani melapor kepada polis, keluarganya akan diserang ataupun diugut berterusan. Lagipun, mereka ini tidak dapat membeli rumah di kawasan perumahan kerana harganya mahal. Adakalanya, mereka alpa untuk memiliki seunit rumah di kawasan perumahan yang lebih teratur.

Ada di antara mereka memiliki rumah di kawasan perumahan tetapi menyewakannya. Mereka ini tidak mahu keluar dari belenggu rumah setinggan yang banyak memberi kebebasan kepada mereka untuk melakukan apa sahaja mengikut suka hati mereka. Masyarakat India yang tinggal di kawasan setinggan ini kebanyakannya bekerja di kilang-kilang yang mana pendapatannya hanya memadai untuk menyara keluarga yang besar.<sup>60</sup>

Jadi, perkembangan pembangunan telah mengubah corak kehidupan, pemikiran dan pakaian mereka yang tersepit di antaranya.

---

<sup>60</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai kesan pembangunan ekonomi ke atas masyarakat, rujuk, Julian, Joseph, *Social Problems*, op.cit., hlm 272-286.

### (c) Pengaruh Filem-Filem Tamil

Sejak awal lagi filem-filem Tamil mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan masyarakat India. Hero dan heroin filem-filem Tamil dan Hindi menjadi pujaan hati mereka sehingga menamakan anak-anak mereka dengan nama-nama mereka. Masyarakat India juga lupa nama tuhan mereka tetapi ingat pada nama hero dan heroin pujaan mereka. Dari sini kita dapat mengetahui bahawa hero dan heroin menjadi pujaan hati mereka.

Pada peringkat awal, iaitu mulai dekad 1970an, dua tokoh yang menjadi pujaan ramai ialah M. G. Ramachandaran (M.G.R.) dan Sivaji Ganeson. Kedua-dua pelakon ini menyebabkan masyarakat India terbahagi dua. Ada di antara mereka yang melukis wajah MGR di badan mereka untuk membuktikan kesetiaannya. Pada ketika ini, masalah gangsterisme dan pelacuran adalah kurang sekali. Ini adalah kerana filem-filem Tamil keluaran pada ketika itu lebih banyak menonjolkan nilai-nilai kemanusiaan. Walau bagaimanapun, adegan-adegan pergaduhan masih mempengaruhi masyarakat India. Parang, rantai basikal, kayu, pisau menjadi alat penting dalam pergaduhan.

Pergaduhan pada ketika ini rata-rata berlaku di dalam pawagam, di tandas dan di sekitar pawagam. Penghujung tahun 1980 telah mula mengubah pemikiran masyarakat India kerana filem-filem Tamil telah mula menukar tema persoalan mereka. Filem-filem yang mengandungi banyak adegan-adegan negatif mula memenuhi jalan cerita. Pada ketika ini, penerbit-penerbit filem Tamil telah mula mementingkan keuntungan berbanding dengan nilai-nilai kemanusiaan.

Filem-Filem seperti "Amaran" dan "Basha" telah memberi inspirasi baru kepada remaja-remaja India untuk melakukan keganasan atau jenayah.

Mereka ini mula menamakan kumpulan mereka mengikut nama-nama filem ini. Mereka memilih seorang ketua untuk mengetuai kumpulan mereka. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan kumpulan gangster di kalangan masyarakat India. Mereka sering bergaduh seperti dalam filem-filem Tamil ini dengan berteriak nama-nama hero. Buktiya,

*Dua kumpulan gangster India telah terlibat dalam satu pergaduhan serius seperti yang terpapar di filem-filem Tamil. Dikuatirinya lebih daripada 30 anggota gangster ini cedera dalam pergaduhan ini yang berlaku di antara kumpulan gangster Kg. Muniandy dan kumpulan gangster Sri Sentosa.<sup>61</sup>*

Manakala, gadis-gadis sekolah pula terpengaruh dengan gaya heroin filem-filem Tamil. Mereka juga mewujudkan kumpulan-kumpulan atas nama heroin-heroin ini. Contohnya Kusboo, Nagma, Monisha Koraila, Urmila dan sebagainya. Kejadian ini telah didedahkan oleh suratkhabar Makkal Osai pada penghujung tahun 1996. Kejadian ini berlaku di beberapa buah Sekolah Menengah di Butterworth. Mereka ini mengganggu pelajar-pelajar perempuan lain seperti yang berlaku dalam filem-filem Tamil. Ini secara tidak langsung melibatkan pelajar-pelajar lelaki juga kerana kekasih mereka diganggu oleh pelajar-pelajar ini.

---

<sup>61</sup> Tamil Nesan, 1 September 1996, hlm 1.

Filem-filem Tamil yang banyak menonjolkan adegan bunuh diri juga mempengaruhi masyarakat India. Mereka yang mudah putus asa dan membunuh diri dengan meminum racun ataupun menggantung diri mereka. Kegagalan-kegagalan kecil yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari menyebabkan mereka cepat putus asa. Adegan-adegan rogol yang disiarkan dalam filem-filem Tamil turut mempengaruhi masyarakat India untuk melakukan perbuatan yang terkutuk ini. Kes-kes rogol secara berkumpulan ini selalu mempengaruhi remaja untuk melakukan jenayah ini tanpa memikirkan kesan akibatnya.

**(d) Kelemahan Pihak Berkuasa (Polis)**

Kecuaian pihak polis adakalanya menjadi punca kepada berleluasanya kegiatan jenayah. Pihak polis kerap kali menolak aduan berbentuk ugutan. Ini adalah kerana penerimaan aduan-aduan seperti ini akan membebangkan lagi kerja dan tanggungjawab pihak polis. Adakalanya aduan-aduan ini palsu. Dalam era pembangunan yang pesat, banyak lagi perkara yang harus diberi tumpuan oleh pihak polis.

Pada kebiasaanannya, masyarakat India yang menghadapi masalah akan melapor kepada pihak polis. Masalah-masalah yang sering dihadapi ialah ugutan dan kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah. Pihak polis biasanya menolak aduan-aduan seperti ini kerana tiada bukti kukuh ataupun andaian semata-mata. Keadaan ini menyebabkan seseorang yang sering diganggu mengambil tindakan dengan menyerang orang yang mengganggunya. Pada masa

ini pihak polis menangkap si penyerang kerana melanggar undang-undang dengan mencederakan orang lain.

Kejadian ini sebenarnya berpunca daripada kelemahan dan kelalaian pihak polis. Sekiranya pihak polis mengambil tindakan dengan memeriksa aduan tersebut, sudah tentu kejadian-kejadian yang tidak diingini dapat dielakkan. Kegagalan pihak polis menjalankan tugas dengan baik menyebabkan kejadian jenayah di kalangan masyarakat India terus meningkat. Tetapi, pihak polis menyalahkan masyarakat India kerana banyak terlibat dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang. Pihak polis tidak dapat mengambil sebarang langkah efektif untuk membendung masalah yang diwujudkan oleh masyarakat India.

Ini adalah kerana tindakan sebegini akan memburukkan lagi nama sesuatu kaum. Lagipun, pihak polis pula kekurangan anggota yang dapat menyelesaikan jenayah yang kian meningkat. Pertambahan penduduk dan kemajuan pembangunan merintis kepada peningkatan kegiatan jenayah terutamanya di kalangan masyarakat India. Masyarakat India pula takut untuk memberi kerjasama kepada pihak polis kerana takut dengan ancaman kumpulan gangster. Jadi, apabila pihak polis melancarkan operasi penangkapan, masyarakat India jarang membantu penangkapan ahli-ahli kumpulan gangster dan pengedar dadah.

Sekiranya masyarakat India membuat aduan mengenai kegiatan pengedaran najis dadah kepada pihak polis, nyawa mereka diancam oleh si

pengedar dadah. Walaupun pihak polis berjanji akan merahsiakan nama si pemberi maklumat, tetapi pihak polis gagal berbuat sedemikian.

Jadi, rungutan pihak polis mengatakan masyarakat India kurang memberi kerjasama tidak dapat diterima sama sekali. Terdapat kelemahan di kedua-dua pihak. Sepatutnya pihak polis banyak memainkan peranan yang lebih penting agar aktiviti jenayah di kalangan masyarakat India dapat dibendung dari terus berleluasa.

#### (e) Didikan Agama

Pengetahuan mengenai agama yang dianuti adalah penting dalam kehidupan. Jadi, didikan agama dari kecil lagi dapat membendung masyarakat India daripada terlibat dengan masalah sosial terutama dalam kegiatan jenayah. Agama selalunya dikaitkan dengan disiplin kerana terdapat banyak larangan yang dapat mengawal tingkah laku masyarakat India. Oleh itu, remaja-remaja India cuba mengelakkan diri daripada berpengetahuan mengenai agama yang dianutinya. Dengan ini, mereka akan merasa bebas dan boleh buat apa sahaja yang disukainya.

Pengetahuan agama yang dimiliki oleh ibu bapa adalah rendah. Jadi, mereka dapat mengajar agama dan mengawal tindak tanduk anak-anaknya. Ibu bapa yang patut menjadi contoh telah gagal membentuk keperibadian yang baik pada anak-anak mereka. Ibu bapa yang mempunyai pengetahuan mengenai

agama Hindu dapat mengajar anak-anak mereka berdisiplin dengan mempraktikkan agama yang dianuti oleh mereka.

Dalam pada itu, masyarakat India melakukan kegiatan jenayah disebabkan oleh penyelewengan dalam agama yang dianuti. Seseorang yang sembahyang kepada Dewa Muniandy, Muneswaran, Kali, Durka dan lain-lain dewa yang ganas seperti itu akan mempunyai ciri-ciri ganas terhadap orang lain. Ini adalah kerana mereka ini akan hilang sifat keperimanusiaan terhadap agama orang lain. Mengikut Jothi, **penyembelihan ayam dan kambing untuk dewa-dewa tadi akan menyebabkan mereka terlibat dengan aktiviti ganas yang menggunakan parang**<sup>62</sup>

Mereka ini agresif menyebabkan penggunaan senjata ketika mereka marah adalah perkara lumrah. Penyelewengan agama seperti ini harus dikawal dan dihentikan sekiranya ingin melihat remaja India tidak terlibat dengan kegiatan jenayah. Ini adalah kerana lebih ramai remaja sudah mula minat dan terpengaruh dengan upacara sembahyang seperti ini kerana tiada panduan hidup. Upacara sembahyang seperti ini boleh menyebabkan remaja India berkecimpung dengan aktiviti berkumpulan yang boleh mewujudkan kumpulan gangster baru.

---

<sup>62</sup> Jothi, A., *Faktor-Faktor Remaja India Terlibat Masalah Jenayah Dan Cara Menanganinya*, Varthaga Ulagam, Varthaga Magain Holdings Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1996.

## 6.7 Peranan Yang Dimainkan Oleh MIC

Peranan yang dimainkan oleh MIC dalam usaha mengatasi masalah devian tidaklah memberangsangkan. MIC tidak mempunyai sebarang polisi khas untuk mengatasi masalah sosial yang telah menular di kalangan masyarakat India. Ini adalah disebabkan oleh ala tujuan Parti dan corak pemikiran pemimpin-pemimpin MIC. Mereka ini sentiasa menganggap diri mereka ini adalah ahli politik yang bertanggungjawab terhadap politik masyarakat India sahaja. Sementara itu, MIC tidak mempunyai sebarang rancangan untuk mengatasi masalah-masalah seperti masalah gangsterisme, dadah, pelacuran dan alkoholisme. Jadi, MIC gagal merancang sebarang langkah positif untuk mengatasi masalah devian di kalangan masyarakat India.

Mengikut Khoo Kay Kim,

*Dalam sejarah dunia ini keganasan adalah satu gejala yang wujud sejak awal-awal lagi dan walaupun dikatakan manusia sekarang lebih bertamaddun kerana kemajuan teknologi yang tercapai sungguh mengagumkan, tabiat manusia ternyata adalah sama.<sup>63</sup>*

Ini terbukti di kalangan masyarakat India. Jadi, untuk mengatasi masalah ini buat pertama kali MIC mula merancang satu pertemuan dengan kesemua ketua kumpulan gangster di Malaysia. Tetapi, rancangan tersebut dibatalkan pada saat-saat akhir tanpa alasan yang munasabah. Selepas itu, MIC terus mendiamkan diri

---

<sup>63</sup> Khoo Kay Kim, "Keganasan Tabiat Manusia?", *Masalah Sosial dan Politik Di Malaysia*, Gateway Publishing House Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1984, hlm 94.

sehingga tercetusnya insiden yang memalukan parti MIC. Pada tahun 1997 berlaku satu insiden yang memalukan parti MIC.

*P. Nadarajan telah mengalami kecederaan apabila beliau menyampaikan borang pertandingan Ketua Bahagian MIC. Pergaduhan ini berlaku di Alor Setar di antara pemimpin MIC Cawangan P. Nadarajan dan Vadmalai.<sup>64</sup>*

Pergaduhan ini berpunca daripada tindakan MIC pusat yang menyokong Vadmalai yang menjadi Pengurus Cawangan MIC Bahagian Anak Bukit bertanding untuk jawatan pengurus MIC Bahagian Alor Setar. Selain itu, mengikut laporan sebuah akhbar Tamil, di Johor terdapat segelintir pengurus Cawangan MIC yang terlibat dengan aktiviti gangster dan kini telah melarikan diri ke Kuala Lumpur.<sup>65</sup>

Baru-baru ini, Presiden MIC telah melawat Kampung Muniandy di Petaling Jaya untuk mengenalpasti dengan lebih dekat akan masalah gangsterisme dan penagihan dadah di kawasan tersebut. Beliau berkata bahawa beberapa rancangan sedang diatur untuk membendung masalah ini dari terus berleluasa. Mengikut beliau:

*Pemaju-pemaju perumahan harus menyediakan pusat-pusat rekreatif dan kawasan permainan untuk mengelak remaja terutamanya remaja India terlibat dengan aktiviti yang kurang sihat.*

---

<sup>64</sup> Makkal Osai, 20 April 1997, hlm 1.

<sup>65</sup> Makkal Osai, 29 Jun, 1997, hlm 2.

Sementara itu, bekas Ketua Gerakan Pemuda MIC S. Subramaniam (dikenali sebagai City Maniam) berkata:

*Gerakan Pemuda akan merancang beberapa aktiviti untuk mengelak Pemuda India terlibat dalam sebarang aktiviti negatif.<sup>66</sup>*

Walaupun statistik dan laporan Polis menyatakan penglibatan masyarakat India telah mencapai tahap yang serius, namun Gerakan Pemuda MIC dan Parti Politik MIC masih belum mengambil sebarang langkah drastik untuk membendungnya. MIC baru hendak merancang dan tidak tahu bila rancangan ini akan dipraktikkan.

MIC hanya mula memberi tumpuan terhadap masalah sosial yang menular di kalangan masyarakat India selepas pihak berkuasa mendedahkannya. Maka,

*Samy Vellu meminta semua pemimpin atasan MIC termasuk Pengerusi Bahagian, melawat bahagian-bahagian mereka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat India.<sup>67</sup>*

Walaupun Presiden MIC meminta kerjasama semua pihak, namun kejayaan yang diharapkan oleh MIC tidak dapat dikecapi dalam jangka masa pendek. Ini adalah kerana setakat ini banyak cawangan dan bahagian MIC “tidur”. Mengikut kajian yang dilakukan terhadap Pemuda dan Wanita MIC, *didapati 78% Ketua Pemuda Bahagian dan 69% Ketua Wanita Bahagian tidak*

---

<sup>66</sup> *Ibid.*, hlm 3.

<sup>67</sup> Tamil Nesan, 25 Julai 1997, hlm 5.

*melibatkan diri secara aktif dalam menangani masalah sosial di kalangan masyarakat India.*<sup>68</sup>

Ini menyebabkan Presiden MIC menegur Pergerakan Pemuda dan Wanita MIC kerana tidak aktif.

*Pergerakan Pemuda dan Wanita MIC tidak berjaya merancang dan menjalankan aktiviti yang berkesan untuk masyarakat India.*<sup>69</sup>

Akhir sekali, MIC telah merancang untuk menangani masalah gangsterisme di kalangan masyarakat India. Langkah pertama yang diambilnya ialah melakukan kajian terhadap masalah ini. Mengikut kajian yang dilakukan oleh MIC, “*It is estimated that there are more than 2,000 Indian-based gangs in the country.*”<sup>70</sup> Tetapi, kajian ini tidak mempunyai bukti yang kukuh seperti Laporan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Bukit Aman. Ianya cuma anggaran sahaja. Ini menunjukkan MIC tidak serius dalam menangani masalah gangster ini kerana tidak mengetahui dengan tepat dan detail mengenai kumpulan gangster di kalangan masyarakat India.

Selain itu, MIC pusat tidak mempunyai sebarang rekod yang menyatakan MIC pernah menjalankan sebarang program pemuliharan dadah.

---

<sup>68</sup> Samy Vellu, “An Agenda For Action Overcoming Sosial Ills In Malaysian Society. The Role of the Malaysian Indian Congress”, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 9 Mac 1997, hlm 5.

<sup>69</sup> Samy Vellu, S., ”A Vision For MIC Youth and Women”, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1994, hlm 1.

<sup>70</sup> Samy Vellu, S., *An Agenda For Action : Over Coming Social Ills in Malaysian Society, The Role of the Malaysian Indian Congress*, MIC Headquarters, Kuala Lumpur, 9 Mac 1997, hlm 2.

Tetapi MIC membelanjakan banyak wang untuk projek pemulihan masyarakat India daripada kancah masalah sosial.

Kegagalan MIC menyedarkan masyarakat India tentang bahaya najis dadah menyebabkan masalah ini berterusan. MIC cawangan, bahagian dan pusat tidak pernah mengadakan sebarang lawatan ataupun perjumpaan ke pusat-pusat Serenti untuk berbincang dengan masyarakat India yang terlibat dengan najis dadah. Sekiranya MIC pernah menjalankan sebarang aktiviti untuk masyarakat India berhubung penglibatan mereka dalam najis dadah, sudah tentu masyarakat India bersedia berubah ke arah kemajuan.

Apabila MIC dituduh tidak melakukan sebarang aktiviti khidmat sosial, MIC menafikannya. Tetapi, kekurangan bukti dan rekod yang kukuh menunjukkan MIC sememangnya gagal. Rekod yang ada adalah sumbangan untuk kebudayaan, agama dan aktiviti rekreasi. Sehingga kini, MIC masih belum menjadi contoh terbaik untuk aktiviti pemulihan dadah. MIC selalunya meminta agar badan-badan sukarela dan kebajikan menjalankan aktiviti pemulihan dan pencegahan dari najis dadah.

MIC juga tidak pernah mengadakan sebarang seminar khas berhubung dengan najis dadah. Walaupun MIC mempunyai ramai tokoh profesional dan berpendidikan, namun gagal menjalankan sebarang aktiviti untuk menangani remaja India dari terus terjerumus ke dalam kancah najis dadah.

Adakah pemimpin-pemimpin MIC tidak sedar akan penglibatan masyarakat India ke dalam najis dadah yang boleh merosakkan masa depan masyarakat India.

Di samping itu bahagian wanita MIC juga tidak sebegitu aktif seperti pertubuhan wanita MCA. Dalam hal pelacuran pula, MIC tidak pernah mengadakan ataupun menjalankan sebarang aktiviti untuk menyedarkannya. MIC yang menempatkan wakil di Dewan Bandaraya dan Majlis-Majlis Perbandaran tidak mengambil sebarang inisiatif untuk membendung masalah pelacuran di kalangan masyarakat India.

Setiap kali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan operasi ke atas rumah-rumah pelacuran (hotel-hotel murahan) di sekitar Kuala Lumpur, tiada wakil MIC bersama mereka. Walaupun tiada statistik terperinci mengenai penglibatan masyarakat India dalam pelacuran, namun usaha membendung aktiviti negatif haruslah dimulakan segera.

Sebenarnya MIC harus membuat suatu kajian untuk mengetahui jumlah wanita India yang terlibat dengan aktiviti pelacuran. Kemudian, barulah MIC boleh melakukan sesuatu agar gejala ini dapat dibendung sepenuhnya. Untuk itu, tempat-tempat yang menjadi sarang pelacuran harus dikenalpasti. Contohnya, Jalan Bukit Bintang, Lorong Haji Taib (Chow Kit), Brickfields dan sebagainya. Selain itu, Pergerakan Wanita dan Pemuda MIC pernah berkata akan membuat kajian terhadap penglibatan wanita India bersama dengan lelaki buruh asing keturunan Bangladesh. Adakah kajian itu sudah dilakukan ataupun

setakat mencari publisiti murahan sahaja, tidak dapat dipastikan kerana MIC belum memaklumkannya.

Dalam usaha membendung masalah alkoholisme pula, MIC pada tahun 1960 pernah mengadakan bantahan dan mogok untuk menghapuskan perjualan samsu haram. Tetapi, selepas itu, MIC mula menumpukan perhatian terhadap politik. Akibatnya, tiada pihak yang bersedia untuk membantu masyarakat India untuk menghalang masyarakat India dari terus terjerumus ke dalam alkoholisme. Selepas itu, sekali lagi MIC membuat bantahan terhadap isu alkoholisme kerana ada kedai yang menjual alkohol murahan. Aktiviti ini banyak memudarangkan kesihatan masyarakat India yang ketagih dengan alkohol murahan. *MIC tidak dapat menghalang masyarakat India daripada terus meminum alkohol murahan.<sup>71</sup>*

MIC dan badan-badan sukarela masyarakat India sekali lagi membuat bantahan apabila gambar tuhan mereka dimuatkan di botol-botol alkohol murahan. Mereka menghantar memorandum kepada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan dan Pengguna Dalam Negeri agar mengharamkan penjualan alkohol murahan yang memaparkan gambar-gambar tuhan mereka.

Selain itu, apabila berita di suratkhabar yang memaparkan pemimpin-pemimpin tempatan MIC menghasil dan menjual samsu yang diharamkan, MIC terpaksa mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin

---

<sup>71</sup> Laporan Tahunan Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-43, MIC Pusat, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 9.

tempatan ini. Sepatutnya, MIC yang patut lebih prihatin dan bertanggungjawab memastikan ahli-ahli MIC tidak terlibat dengan kegiatan samsu haram. "*MIC Pusat telah mengambil tindakan tegas terhadap pemimin-pemimpin MIC yang menjual samsu haram.*"<sup>72</sup>


Walau bagaimanapun sikap meminum alkohol oleh masyarakat sukar dibendung oleh MIC. Ini adalah kerana banyak pemimpin-pemimpin MIC yang memang sudah lama terjebak dengan alkohol ini. Jadi ahli-ahli MIC seharusnya menjadi contoh terbaik untuk membentuk generasi muda masyarakat India yang boleh menjauhkan diri dari alkohol.

Pada tahun 1996, MIC telah memulakan satu Badan Khas untuk mengatasi masalah sosial di kalangan masyarakat India. Badan ini dikenali sebagai "Yayasan Strategik Sosial" (YSS). Pada peringkat awal, badan ini menjalankan kajian di kawasan-kawasan bermasalah. Contohnya, Kampung Muniandy, Kampung Gandhi Dalam dan Kampung Medan Luar di Petaling Jaya. Hasil kajian dan penyelidikan tidak disiarkan sehingga Pilihanraya Ke-10 pada tahun 1999. Beberapa perkara yang dirumuskan oleh YSS, ini dijadikan asas persoalan dalam MAPEN II (Majlis Perunding Ekonomi Negara).

---

<sup>72</sup> Tamil Nesan, 25 Julai 1997, hlm 7.

**RAJAH 6.1**  
**JAWATANKUASA YAYASAN STRATEGIK SOSIAL**



**Sumber:** Yayasan Strategik Sosial, Annual Report, 1998 – 1999, MIC Pusat,  
Ogos, Kuala Lumpur, 1999, hlm 12.

## 6.8 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan tadi, bolehlah dirumuskan bahawa masalah masyarakat yang dihadapi oleh masyarakat India pada masa sekarang adalah disebabkan oleh kegagalan parti politik MIC menanganinya. Ketiadaan panduan yang betul daripada pemimpin-pemimpin MIC menyebabkan masyarakat India hilang arah tuju hidup mereka. Ini adalah kerana pemimpin-pemimpin MIC sebelum 1970, tidaklah agresif untuk menyedar dan membantu masyarakat India menangani masalah devian.

Sebenarnya, masyarakat India memerlukan seseorang yang benar-benar dapat membimbing dan “memandu” ke arah kemajuan. Sambanthan telah memulakan operasi ini. Masyarakat India sebelum 1970, tidak bersedia sepenuhnya untuk menerima perubahan drastik. Sebenarnya, hampir 90% cawangan dan bahagian MIC tidak mempunyai rancangan tahunan.<sup>73</sup> Jika keadaan sedemikian, bagaimanakah seruan Presiden MIC dapat diperaktikkan oleh ahli-ahli MIC. Ketiadaan matlamat dan hala tujuan menjadi asas kepada kegagalan MIC menyedarkan masalah sosial yang dihadapi masyarakat India.

Sebenarnya, masalah sosial telah mencapai tahap yang kronik. Sesuatu harus dilakukan untuk membendung gejala ini yang merebak di kalangan remaja umpama “Penyakit Kanser”. Jadi, Menteri Penerangan YB Dato’

---

<sup>73</sup> Kajian luar yang dilakukan oleh Pengkaji di Negeri Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pulau Pinang pada tahun 1997.

Mohamad Rahmat meminta semua kakitangan Radio Televisyen Malaysia (RTM) menyiaran,

*Rancangan-rancangan yang dirancang dan disiarkan haruslah memberi pengetahuan dan pendidikan kepada pendengar dan bukannya sebagai hiburan semata-mata.<sup>74</sup>*

Mengikut Suparao (CAP) pula, *Meminum minuman keras dan filem-filem menjadi faktor pendorong kepada masalah sosial dan gangsterisme di kalangan masyarakat India.<sup>75</sup>* Sekiranya faktor-faktor di atas menjadi puncanya, maka MIC patut membentuk satu pasukan yang akan ke India untuk berbincang dengan pelakon dan pengarah filem Tamil dan Hindi agar adegan-adegan ganas dan ghairah dikurangkan. Jika tidak, haramkan sahaja filem-filem ini daripada memasuki pasaran Malaysia.

Selain MIC, sumbangan orang perseorangan dalam memberi idea dan cadangan mengatasi masalah sosial di kalangan masyarakat India harus dialukan.

*Pengerusi Pusat Khidmat dan Kaunseling Masyarakat Wilayah Persekutuan, Gunaselan Malarvili telah menyerahkan memorandum yang mengandungi 10 cadangan bagi mengatasi masalah sosial yang telah melanda kaum Malaysia kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.<sup>76</sup>*

---

<sup>74</sup> Malaysia Nanban, 30 Mac 1997, hlm 3.

<sup>75</sup> Malaysia Nanban, 1 September 1996, hlm 1.

<sup>76</sup> Makkal Osai, 6 April 1997, hlm 15.

Akhir sekali, masyarakat India haruslah sedar akan dirinya sekiranya ingin terus menikmati kebahagiaan dan keharmonian di negara ini. Masyarakat India tidak patut mengharapkan MIC sahaja dalam usaha membantu membendung masalah sosial yang telah melanda masyarakat India dengan begitu serius sekali. Ini adalah kerana MIC terlalu sibuk dengan agendanya yang tersendiri.